Denggi, jumpa doktor apabila demam MS 3, 22 & 23



AED di tempat awam, PP negeri pertama laksana MS 6



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 29 FEBRUARI, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

'Gol ajaib', KM harap Faiz terima Anugerah Puskas FIFA 2016

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap 'gol ajaib' dihasilkan melalui sepakan percuma Mohd. Faiz Subri, 29, yang melencong luar jangkaan ke gawang lawan baru-baru ini turut melayakkan penyerang Pulau Pinang berkenaan untuk menerima Anugerah Puskas FIFA 2016 kelak.

"Saya suka anggap ia 'gol ajaib' daripada Mohd. Faiz Subri yang sekarang mendapat perhatian dunia dan media antarabangsa.

"Buat kali pertama seorang pemain Malaysia, (sepakan) golnya disenaraikan sebagai calon penerima (Anugerah) Puskas.

"Bukan kerana Mohd. Faiz adalah penyerang Pulau Pinang, tetapi inilah harapan semua peminat-peminat bola," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng turut menyerahkan insentif berjumlah RM10,000 kepada Mohd. Faiz, yang diiringi isteri, Norzawanis Hashim, 29, dan anak, Akif Fayyadh, 4.

Timbalan Ketua Menteri 1, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, dua Exco Kerajaan Negeri lain, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Dr. Afif Bahardin serta Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) turut menyaksikan majlis penyampaian insentif tersebut.

Turut serta, Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Dato' Seri Nazir Ariff Mushir Ariff dan Ketua Jurulatih, Jackson F. Tiago serta anggota jawatankuasa FAP lain.

Mohd. Faiz pada sidang media sama memberitahu bahawa beliau berlatih membuat sepakan melencong, dengan bimbingan Jackson.

"Sejujurnya, saya sendiri masih terkejut selepas keesokan hari apabila bangun dari tidur, tengok laman sosial dan internet ianya telah menjadi viral.

"Masih jauh untuk sama seperti itu (Roberto Carlos), saya memang ada berlatih mengambil sepakan percuma bersama rakan-rakan lain seperti yang diarahkan oleh jurulatih," ujarnya dalam nada rendah diri.

Terdahulu, Mohd. Faiz pada 16 Februari lalu membuat sepakan melencong tersebut di Stadium Bandaraya dekat di sini, semasa menentang pasukan pelawat dari Pahang dan menang 4-1.

Rakaman "*knuckleball*" atau sepakan pada kelajuan rendah yang dihasilkan oleh Mohd. Faiz kemudiannya bukan sahaja menggamit rasa kagum netizen, bahkan turut mendapat liputan beberapa media antarabangsa seperti *Sports Illustrated, The Independent, Sydney Morning Herald,* dan *Mirror.*

Sepakan Mohd. Faiz juga disebut-sebut mirip teknik sepakan percuma "*banana kick*" bintang bola sepak Brazil, Roberto Carlos ketika beraksi menentang Perancis dalam kejohanan *Tournoi de France* pada 1997.

Anugerah Puskas yang diwujudkan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) kepada penjaring gol tercantik sepanjang tahun, sejak 2009, sempena memperingati penyerang Real Madrid era 1950-an, Ferenc Puskás.



MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) sambil menunjukkan tanda bagus bergambar kenangan dengan Mohd. Faiz Subri selepas selesai majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Abdul Rahim hargai kerjasama KN sedia CCTV bantu tugas polis

GEORGE TOWN – Pada hari terakhir bertugas sebagai Ketua Polis Negeri, Datuk Seri Abdul Rahim Hanafi mengaku inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memasang kira-kira 275 unit sistem kamera litar tertutup (CCTV) banyak membantu pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menurunkan indeks jenayah serta mengawal trafik jalan raya di negeri ini.

"Sepanjang perkhidmatan saya sebagai Ketua Polis Pulau Pinang, saya berasa sangat bangga kerana saya mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Negeri.

"Kita (PDRM) senantiasa memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sehingga berjaya menurunkan kadar jenayah yang cukup baik.

"Apa yang saya ingin menarik perhatian di sini adalah inisiatif Kerajaan Negeri yang cukup membantu PDRM, dari segi (pemasangan) CCTV. CCTV inilah membantu mengurangkan kadar jenayah, kawalan trafik (jalan raya)," katanya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri semasa menyampaikan cenderamata saling berjabat tangan dengan Abdul Rahim Hanafi pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Guan Eng sendiri melahirkan rasa sedih kerana Abdul Rahim tidak lagi bertugas sebagai Ketua Polis Negeri di Pulau Pinang, selepas ini.

"Saya berasa sedikit sedih kerana ini hari terakhir beliau (Abdul Rahim) bertugas sebagai Ketua Polis Negeri yang disayangi oleh rakyat Pulau Pinang.

"Saya ingin ucapkan terima kasih atas sumbangan (serta) atas kawalan rapi yang dibuat oleh Datuk Seri Ketua Polis Negeri yang membolehkan Pulau Pinang setiap tahun mencatatkan penurunan indeks jenayah.

"Bagi pihak rakyat Pulau Pinang, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih, pintu pejabat saya senantiasa terbuka untuk menerima kunjungan beliau selepas ini, dan paling penting pintu hati rakyat Pulau Pinang pun senantiasa terbuka untuk Datuk Seri," ujarnya.

Guan Eng dan Abdul Rahim kemudiannya saling bertukar cenderamata masing-masing sebagai tanda penghargaan serta kenangan.

Selepas berkhidmat hampir empat tahun di Pulau Pinang, Abdul Rahim menggantikan Ketua Polis Perak, Datuk Osman Salleh yang bersara wajib baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, Datuk Ghafar Rajab dilantik sebagai Ketua Polis Pulau Pinang yang baharu, menggantikan Abdul Rahim.

Insentif KN kepada pemandu teksi hampir RM4 juta sejak 2013

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI & AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Kos operasi kenderaan teksi yang semakin meningkat pada era ekonomi mencabar belakangan ini dikatakan mendorong pada kelahiran begitu banyak perkhidmatan kereta sewa jenis *Uber* di Pulau Pinang.

Mengulas mengenai perkara itu, Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang (Gabungan), Abd. Malik Darus memberitahu, pihaknya sendiri masih mengambil sikap 'tunggu dan lihat' berhubung tindakan selanjutnya daripada agensi persekutuan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Bagaimanapun, beliau melahirkan rasa penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana buat kali keenam menyampaikan insentif RM300 kepada 2,135 pemandu teksi bajet, teksi lapangan, teksi eksklusif, teksi mewah, limosin dan kereta sewa berdaftar baru-baru ini.

"Apa yang saya faham pihak *Uber*, iaitu sebuah syarikat yang beroperasi tanpa permit seperti teksi dikira haram, tetapi seakan dibenarkan oleh pihak SPAD, kita (pemandu teksi) pun tidak faham.

"Di Pulau Pinang pun, ada (*Uber*), dan kita tunggu apa perkembangan seterusnya," ucapnya pada Majlis Pemberian Sumbangan Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi Peringkat Pulau di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang berucap selepas itu memberitahu, Kerajaan Negeri akan terus menyampaikan insentif RM600 dalam dua kali pemberian pada tiap-tiap tahun sungguhpun ekonomi negara kian mencabar.

"Tiada negeri lain di Malaysia yang menyediakan bayaran insentif kepada mana-mana pemandu teksi di negeri mereka, hanya di Pulau Pinang sahaja yang ada (insentif daripada Kerajaan Negeri).

"Sejak insentif ini diberikan mulai tahun 2013 (sebagaimana dijanjikan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13), sebanyak RM3,985,800 telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri untuk 13,286 pemandu teksi," jelasnya sebelum menyerahkan sumbangan tunai kepada 1,578 penerima dari bahagian pulau.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) dan Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan).

Difahamkan, seramai 557 pemandu lain dari bahagian Seberang Perai turut menerima sumbangan serupa pada majlis berasingan di Auditorium Kompleks Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Seberang Jaya, sehari kemudian.

Sementara itu, para pemandu teksi yang ditemui kemudian memberikan pelbagai reaksi kehadiran *Uber* di atas jalanraya.

Sesetengah menganggap *Uber* menjejaskan pendapatan mereka yang setia membawa teksi berdaftar, dan ada sesetengah lain berpendapat sebaliknya.

"*Uber* ditempah atas talian seperti *MyTeksi* juga, tetapi ada kos (pemandu teksi) untuk permit, sewa teksi dan selenggara...maka, dorongan memandu *Uber* mungkin kerana tidak semua kos itu ditanggung oleh pemandu.

"Tawar-menawar tambang *Uber* lebih toleransi, telus dan interaktif dengan menggunakan aplikasi telefon, sedangkan teksi masih diikat dengan kadar tambang yang regid dan kadangkala pelanggan 'terkena' apabila tidak menggunakan meter," respons seorang pemandu teksi, yang enggan identitinya diketahui umum.





SEBAHAGIAN pemandu teksi menunjukkan insentif yang diterima.

KETUA Menteri sambil diiringi Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Pemberian Sumbangan Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi Peringkat Pulau di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Lawatan kerja tinjau lokasi sebenar projek tebus guna PIP

Gambar : **ALISSALA THIAN**

PANTAI JEREJAK – Mewakili Kerajaan Negeri, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow meninjau kawasan perairan di selatan bahagian pulau, yang dicadangkan untuk projek tebus guna tanah bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) di sini baru-baru ini.

Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri, Dato' Aliza Sulaiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Datuk Abu Jamal Nordin, Timbalan Pengarah (Sektoral) UPEN, M. Maheswari serta pegawai-pegawai lain turut menyertai lawatan kerja tersebut.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Dato' Abdul Malik Abul Kassim (ADUN Batu Maung merangkap Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) sendiri turut menyertai rombongan kerja tersebut sehingga ke jeti Pulau Jerejak, sebelum menaiki bot laju khas.

Pasukan rombongan dibawa ke kawasan perairan laut yang dicadangkan untuk kerja-kerja tebus guna tanah serta ke kawasan-kawasan aktiviti nelayan pantai di sini.

Di sini, pasukan tersebut turut diberi penerangan lanjut mengenai kaedah pelaksanaan projek tebus guna tanah daripada Szeto Wai Long, iaitu Pengarah Projek PIP dari Konsortium SRS selaku rakan pelaksana projek (PDP) yang dilantik Kerajaan Negeri.

Wakil komunikasi korporat Konsortium SRS, Azmi Mohamad turut sertai lawatan kerja itu.

Kon Yeow yang juga Pengerusi Majlis Pengangkutan Pulau Pinang (PTC) memberitahu, lawatan kerja itu dilakukan supaya Kerajaan Negeri mendapat gambaran sebenar mengenai kaedah pelaksanaan projek tebus guna tanah demi membiayai PIP, yang dicadangkan oleh PDP.

Pada 16 Disember tahun lalu, Konsortium SRS diberi 'lampu hijau' untuk berunding serta mendapatkan kelulusan berwajib daripada beberapa agensi persekutuan.

Sehingga bulan Jun tahun ini, Kerajaan Negeri melalui PDP sedang berusaha mendapatkan kelulusan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Kajian Terperinci Impak Alam (DEIA) serta beberapa kelulusan berwajib lain untuk dikemukakan kepada agensi persekutuan, sebelum memulakan kerja-kerja penambakan di selatan bahagian pulau berkenaan.

Beberapa rundingan awam dengan nelayan pantai, penduduk di bahagian Seberang Perai dan pulau, pemimpin Kerajaan Negeri peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung turut diadakan, dalam tempoh sama sehingga bulan Jun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya memberitahu, PIP yang bernilai kira-kira RM27 bilion itu adalah pelan masa depan untuk menangani masalah kesesakan trafik serta meningkatkan mutu pengangkutan awam secara bersepadu dalam tempoh 2017 hingga 2030, serta akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia di negeri ini sehingga tahun 2050.

Selain LRT, pelan itu juga terdiri oleh pemajuan satu jajaran LRT serta dua monorel di bahagian pulau, serta satu LRT lain merentasi laut ke tanah besar Seberang Perai.

Selain itu, satu lagi jajaran monorel lain serta sistem bas rapid transit (BRT) turut akan diwujudkan di Seberang Perai.



SIM Tze Tzin (dua dari kiri) mendapat penjelasan daripada Szeto Wai Long (paling kiri) mengenai lokasi sebenar di perairan yang dicadangkan untuk projek PIP, semasa menyertai rombongan khas bersama-sama Chow Kon Yeow (tiga dari kiri) dan wakil-wakil Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

(Maklumat lanjut di muka surat 22 & 23)

Sembilan kematian, KM anggap denggi di P. Pinang 'krisis'

BAGAN JERMAL – Sembilan kematian akibat denggi yang direkodkan sehingga 13 Februari tahun ini berbanding dua kematian dalam tempoh sama pada tahun lalu dianggap sebagai 'krisis' di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa bimbang demikian semasa melawat keluarga arwah Mohd. Raffei Ramli, 30, yang baru meninggal dunia akibat wabak pembunuh tersebut pada 10 Februari lalu.

"Keadaan denggi sekarang sampai satu tahap boleh dianggap sebagai 'krisis'.

"19 kes (kematian) akibat denggi pada tahun lepas sudah (2015) cukup tinggi, berbanding sembilan kes dalam tempoh satu setengah bulan (sehingga 13 Februari 2016).

"Sekali lagi, saya merayu supaya segera berjumpa doktor apabila demam, dan bersama-sama menjaga kebersihan di sekeliling tempat tinggal kita," katanya ketika melawat keluarga mangsa di Pangsapuri Ampang ajar di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng turut menyampaikan sumbangan kepada isteri Allahyarham, Hasnah Abdul Aziz, 34.

Arwah meninggalkan lima anak, antara umur empat hingga 11 tahun.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Timbalan Pengarah (Kesihatan Awam) Pulau Pinang, Dr. Noorlia Yahaya.

Sehingga 20 Februari tahun ini, sebanyak 1,118 kes denggi dilaporkan berbanding 1,010 kes bagi tempoh sama tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak 108 kes atau 10.69 peratus.

Sembilan kematian akibat demam denggi bagi tempoh yang sama pada tahun lalu, dengan peningkatan sebanyak tujuh kes atau menyamai 350 peratus kematian.



ZUBAIDAH Ibrahim (bertudung hitam) ketika menerima lawatan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di Pangsapuri Desa Wangsa dekat Batu Maung baru-baru ini.

Dalam perkembangan berasingan, Guan Eng turut melawat keluarga kepada Allahyarham Amzah Hassan, 65, yang juga meninggal dunia akibat denggi pada 23 Januari lalu, selepas demam berterusan selama enam hari.

"Sungguhpun peningkatan kes hanya 10 peratus, namun, angka kematian sangat tinggi berbanding tahun lalu.

"Kita (Kerajaan Negeri) perlu berusaha lebih keras menangani wabak ini yang semakin membimbangkan, bahkan, kita sekarang berada di kedudukan nombor dua di belakang (negeri) Selangor, ujarnya ketika melawat balu mangsa, Zubaidah Ibrahim, 54, di Pangsapuri Desa Wangsa dekat Permatang Damar Laut, dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung baru-baru ini.

Bersempena lawatan tersebut, Guan Eng yang diiringi ADUN Batu Maung merangkap Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut menyampaikan sumbangan kepada balu Allahyarham Amzah.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Azrizal Tahir dan Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Barat Daya, Dr. Mohamed Iqbal Hamzah.

Zubaidah yang ditemui kemudian memberitahu, suaminya yang bertugas sebagai kakitangan MBPP pada 17 Januari lalu ada mengadu sakit yang teruk hingga tidak mampu bangun.

"Dia ada mengadu sakit kepala, tetapi, tidak demam atau menunjukkan sebarang tanda-tanda denggi.

"Dia tidak boleh bangun atau duduk, kalau diangkat pun dia semacam hendak tumbang sampai terpaksa dipapah untuk ke tandas.

"Selepas dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang, suami dibawa ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan disahkan meninggal pada 23 Januari," ujar Zubaidah kepada pemberita.

Seorang lagi mangsa kematian akibat denggi, Goh Yok Huat, 51, menetap di Pangsapuri Taman Dedap dekat Mak Mandin, Seberang Perai Utara (SPU).

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu bahawa beliau sendiri terkejut dengan kes kematian yang berlaku di lokasi yang tiada mempunyai kes denggi.

"Malah, saya juga cukup terkejut kerana ada mangsa denggi di persekitaran yang bersih," ujarnya ketika menyampaikan sumbangan kepada keluarga mendiang Yok Huat.

Mendiang meninggalkan seorang balu, Toh Hooi Kean, 49, serta tiga anak, Goh Jia Wen, 27, Goh Kah Seng, 24, dan Goh Kah Keat, 20.



HASNAH Abdul Aziz (tengah) serta dua daripada lima anaknya ketika ditemui di kediamannya dekat Pangsapuri Ampang Jajar, Bagan Jermal baru-baru ini.



TOH Hooi Kean (duduk, dua dari kanan) meratapi pemergian suaminya yang meninggal dunia akibat denggi.

Ibu Allahyarham Muhammad Danial sebak tengok bilik, tak lalu jamah nasi goreng

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

AIR ITAM – "Saya redha pemergiannya dan terima ketentuan qada dan qadar walaupun payah.".

Itulah luahan suri rumah, Zuraini Yaacob, 50, ibu kepada Muhammad Danial Alias, 21, yang meninggal dunia akibat demam denggi.

Menceritakan detik pilu itu, Zuraini berkata, anaknya mengalami demam dan sakit-sakit badan sebelum disahkan mengalami demam denggi pada 23 Januari lalu.

"Sehari sebelum masuk wad tu, dia ada mengadu sakit-sakit badan, jadi dia pun pi hospital pi *'check'* (pemeriksaan), lepas tu disahkan mengalami demam denggi. Seminggu kemudian, dia pun tak dak (meninggal dunia).

"Walaupun sedih dengan ketentuan-Nya, saya dan keluarga pasrah dan redha," katanya dalam nada sebak kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Ketika ditemui di kediaman mereka di Kuarters Polis, Bandar Baru Air Itam di sini, Zuraini menyatakan bahawa sebelum sakit, Muhammad Danial selalu memintanya menyediakan bekal untuk dibawa ke tempat kerja.

"Dia kerja mekanik kat Seberang Jaya (Warisan Smart Auto), memang dia suka makan terutama nasi goreng. Kira sebelum dia sakit tu, dia selalu minta nak bawa bekal nasi goreng pi tempat kerja.

"Sejak permergian arwah, kami sekeluarga dah tak boleh nak jamah nasi goreng, sebab tau itulah makanan kesukaan arwah.

"Sekarang ini pun, kalau nak tengok bilik dia pun, kadang-kadang tak boleh nak pandang, sebak, sebab dia suka mengusik, balik kerja usik, nak pi kerja pun usik, duduk kat rumah pun dia suka usik. Memang terasa... kehilangan dia," ujar beliau.

Menurut Zuraini, anak sulung daripada tiga orang adik-beradik itu merupakan seorang anak yang periang, dengar kata dan sering membantu keluarga termasuk menyelesaikan segala urusan di rumah.

"Memang terasa sangat kehilangan dia, sekarang ni pun, kami sekeluarga agak risau, sebab adik dia sebelum inipun disahkan denggi, tapi dah baik dah, lepas tu baru kena kat arwah.

"Itulah, kami cuma berharap la, jiran-jiran yang lain supaya mengambil langkah-langkah yang perlu seperti yang diminta oleh Ketua Menteri supaya lebih berjaga-jaga, sebab kita tak tau apa yang boleh terjadi kalau menghidap demam denggi ni," jelasnya yang turut ditemani suami, Alias Ishak, 49 serta dua anaknya Muhammad Danish Alias, 19 dan Muhammad Aliff Nazmie Alias, 14.

Muhammad Danial menghembuskan nafas terakhir pada 29 Januari 2016 dan disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Dungun, Bagan Serai, Perak.



KETUA Menteri menyerahkan sumbangan peribadi kepada Alias Ishak (dua dari kiri) di kediaman keluarga mangsa sambil diiringi Ketua Polis Negeri, Datuk Abdul Ghafar Rajab (tiga dari kiri) dan Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Mior Faridalathrash Wahid (kanan sekali). Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai (tiga dari kanan) dan ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

P. Pinang sepatutnya diberi layanan sama dalam hal perolehan air mentah - PBAPP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memohon Kerajaan Persekutuan agar segera melaksanakan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Malah, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dalam kenyataannya di sini baru-baru ini turut menyatakan bahawa Pulau Pinang juga tidak bercadang untuk membeli air terawat dari negeri Perak buat masa ini.

Katanya, pada 2 Jun 2011, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PBAPP dan Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Nasional (NWSRI) dilaksanakan.

"Selaras dengan perjanjian-perjanjian ini, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap projek air mentah untuk manfaat Pulau Pinang dan rakyatnya.

"SPRWTS adalah projek air mentah, oleh itu, kos SPRWTS tidak patut ditanggung oleh rakyat Pulau Pinang atau Perak," nyatanya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa, ketika ini, Sungai Perak tidak digunakan sepenuhnya sebagai sumber air mentah di kawasan utara Malaysia.

"Jika ada air mentah tambahan dari sungai ini, ia akan mengalir terus ke Selat Melaka, oleh itu, SPRWTS adalah cadangan skim antara negeri baharu yang akan mengoptimumkan potensi Sungai Perak sebagai sumber air mentah.

"Apabila dilaksanakan, SPRWTS akan membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan sumber air mentah kedua, sekaligus mengurangkan risiko kekurangan air mentah ketika musim kering yang berpanjangan dalam zaman perubahan iklim kini.

"Pada masa sama, skim ini juga akan memberi manfaat kepada Perak kerana dapat mengekalkan bekalan air yang baik dan berterusan di Perak Utara," ujar beliau.

Tambah Jaseni, adalah tidak praktikal dari sudut ekonomi negeri untuk membeli air terawat dari Perak apabila kadar tarif air di negeri itu adalah jauh lebih tinggi berbanding Pulau Pinang.

"Pada masa ini, Perak mengenakan caj sebanyak RM0.73 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama sebulan berbanding Pulau Pinang, RM0.32 bagi penggunaan domestik.

"Bagi tarif perniagaan pula, Perak mengenakan caj RM1.60 setiap 1,000 liter bagi 500,000 liter pertama sebulan berbanding Pulau Pinang, RM1.36.

"Tambahan pula, kita (PBAPP) juga mengambil kira kos pembinaan infrastruktur bekalan air terawat yang perlu dibekalkan ke Pulau Pinang," jelasnya.

Kata beliau, skim air antara-negeri Johor-Melaka dan Pahang-Selangor adalah melibatkan air mentah sahaja, justeru, tiada sebab bagi Pulau Pinang untuk berhadapan dengan amalan diskriminasi berbanding negeri-negeri berkenaan apabila Kerajaan Persekutuan masuk campur untuk memastikan bekalan air yang baik merentasi negeri.

"Projek-projek ini diusaha dan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan demi mengatasi senario kekurangan air di Malaysia.


"Pulau Pinang sepatutnya diberikan layanan sama dalam hal perolehan air mentah dan bayaran untuk air mentah ini sepatutnya ditetapkan pada kadar yang dibayar oleh Selangor atau Melaka.

"Kami (PBAPP) inginkan pertimbangan sama daripada agensi-agensi Persekutuan berkaitan untuk SPRWTS, satu skim yang akan mempertingkatkan jaminan air mentah mencukupi untuk Pulau Pinang dan Perak, demi menjaga kepentingan rakyat di kedua-dua negeri," ujar Jaseni.

Tambahnya, terdapat alasan yang baik mengapa Perak harus menyokong permohonan Pulau Pinang untuk pelaksanaan SPRWTS, dan bukannya meminta kita untuk membeli air terawat.

"Kami berharap negeri jiran akan bersama-sama meminta Kerajaan Persekutuan melaksanakan projek ini secepat mungkin, demi keperluan masa depan bersama.

"Malah, berdasarkan unjuran bekalan air kita, SPRWTS sepatutnya bermula beberapa tahun yang lalu," jelasnya.



Telefon : 60-4-2614424
Fax : 60-4-2613003

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :

PEJABAT KETUA MENTERI
10502 KOMTAR
PULAU PINANG, MALAYSIA

4 Disember 2015

Salam sejahtera,

PENGECUALIAN CUKAI PINTU UNTUK RUMAH KOS RENDAH, RUMAH SEDERHANA RENDAH DAN RUMAH KAMPUNG/BERTANAH

Kerajaan Negeri amat prihatin dengan bebanan yang ditanggung rakyat berpendapatan rendah lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Pusat melaksanakan cukai GST sebanyak 6% bermula April 2015. Berikutan itu, sebagai sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat yang memahami penderitaan rakyat golongan kurang berpendapatan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah,rumah sederhana rendah dan rumah kampung/bertanah.

Pengecualian cukai ini sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan yang dapat dimanfaatkan oleh pemilik rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung adalah sebanyak RM11,699,820.94, di mana cukai pintu yang dipungut pada tahun 2015 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah RM6,295,799.1 dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebanyak RM5,404,021.84.

Selain daripada pengecualian cukai yang diberikan yang membawa kepada jumlah RM11,699,820.94, Kerajaan Negeri juga terpaksa menanggung bebanan GST yang dianggarkan sebanyak RM46.2 juta setahun. Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan MBPP dan MPSP untuk menanggung beban GST untuk tahun 2016 sebanyak RM19.36 juta yang tidak akan dibayar oleh rakyat tetapi ditanggung oleh MBPP dan MPSP. Ini bermakna rakyat Pulau Pinang akan mendapat penjimatan sebanyak RM19.36 juta daripada pembayaran GST.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuktikan bahawa Pulau Pinang boleh mencatatkan lebihan Belanjawan tanpa mengenakan GST sekiranya sebuah pentadbiran bersih diamalkan.

Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mampu menjimatkan rakyat sebanyak RM31 juta kerana urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang membolehkan lebihan Belanjawan setiap tahun hasil daripada pengurusan kewangan yang bersih ini.

Salam Bersih!

LIM GUAN ENG
Ketua Menteri Pulau Pinang

TERIMA
29 JAN 2016
Pejabat Ketua Menteri
Pulau Pinang

Mohmad Hasraf Bin Samsuddin,
[redacted]

Pejabat Y.A.B Ketua Menteri,
Tingkat 28, KOMTAR,
10502, Pulau Pinang.

28 January, 2016

UP: Y.A.B Ketua Menteri,

PER: UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KE ATAS PENGECUALIAN CUKAI PINTU UNTUK RUMAH KOS RENDAH, RUMAH SEDERHANA RENDAH, DAN RUMAH KAMPUNG / BERTANAH.

Salam sejahtera dan Salam Bersih Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, saya seperti nama dan alamat di atas ingin mengucapkan ribuan malah jutaan terima kasih ke atas pengecualian cukai pintu tersebut.

2. Rasa terharu sangat dengan keprihatinan Y.A.B Tuan Ketua Menteri Pulau Pinang tentang rakyat Tuan. Saya harap Tuan diberi kesihatan yang baik, dan lagi tabah dan kuat menghadapi dugaan dalam memimpin kerajaan Pulau Pinang ini. Saya juga akan doakan untuk kesejahteraan Y.A.B.

3. Sebelum saya sudahi penghargaan saya, mungkin tidak terlalu awal untuk saya mengucapkan SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA kepada Tuan Y.A.B dan seisi keluarga, semoga dimurahkan rezeki dan dipanjangkan usia.

Sekian terima kasih.

"HIDUP Y.A.B TUAN LIM GUAN ENG, HIDUP PULAU PINANG"

Yang sangat menghargai,

.....
MOHMAD HASRAF BIN SAMSUDDIN
017-4743268 / mohamad.hasraf@yahoo.com

SALINAN surat Ketua Menteri (kiri) mengenai makluman pengecualian cukai pintu untuk rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung/bertanah mendapat pujian bertulis daripada salah seorang warga Pulau Pinang.

15,000 hadiri Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KM

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BAYAN LEPAS – Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng baru-baru ini menerima kira-kira 15,000 tetamu, pelbagai kaum.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Seri Majimor Shariff merupakan tetamu utama pada majlis sambutan yang dilangsungkan di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Datin Norazizah Haron; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan isteri, K. Kalaiarasi serta para pemimpin Kerajaan Negeri lain.

Pada majlis tersebut, Guan Eng turut meraikan para tetamu lain, antaranya, Ahli Parlimen Gelang Patah merangkap Penasihat Parti Tindakan Demokratik (DAP), Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu.

Selain tetamu pelbagai bangsa, para pelancong asing turut kelihatan mencuba dan menikmati pelbagai juadah, sambil dihiburkan dengan pelbagai persembahan pentas.

Tidak kurang juga para pengunjung, mengambil kesempatan merakamkan gambar kenang-kenangan dengan Guan Eng, yang juga Setiausaha Agung DAP Kebangsaan.

Seperti sambutan perayaan tahun-tahun lalu, Gek Cheng turut mencuri kesempatan menyampaikan *'ang pow'* kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.

Manakala, Guan Eng di pentas utama merakamkan ucapan ringkas sempena Tahun Baru Cina kepada seluruh rakyat Malaysia di Pulau Pinang, khususnya buat komuniti Cina.

"Walaupun ekonomi negara kian mencabar, saya berharap akan ada tuah bukan sahaja kepada masyarakat Cina yang menyambut Tahun Baru Cina ini, malah rakyat Malaysia yang terdiri (daripada) pelbagai kaum.

"Walaupun (para pencerap) *fengsui* berpendapat bahawa Tahun Monyet Api ini akan membawa tuah kepada mereka yang lahir dalam tahun zodiak Kambing, saya tetap berharap pelaburan ke Pulau Pinang semakin baik dan kesusahan rakyat dapat terus dikurangkan melalui pelbagai program oleh Kerajaan Negeri, dalam era ekonomi negara serba mencabar sekarang ini," jelas beliau.



DR. Abdul Rahman Abbas (depan, berbaju batik kuning) diiringi Ketua Menteri dan isteri serta para pemimpin Kerajaan Negeri lain menyempurnakan upacara tradisi *'lou sang'* pada sambutan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Ketua Menteri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



BETTY Chew Gek Cheng (kanan sekali) menyampaikan *'ang pow'* kepada salah seorang kanak-kanak yang hadir.



MOHD. Rashid Hasnon (berbaju batik keemasan) diiringi Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) menyampaikan *'ang pow'* kepada kanak-kanak yang hadir memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina ADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Pembangunan semula bandar kekal geografi sedia ada - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

DATUK KERAMAT – Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa pembangunan semula bangunan-bangunan kediaman lama di bawah skim perumahan awam, Taman Free School di sini terkawal dan tidak akan mempunyai kepadatan yang tinggi.

Dalam erti kata lain, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar atau *Urban Regeneration Committee* akan mengekalkan persekitaran geografi sedia ada.

"Sungguhpun begitu, soal kepadatan dan penyelenggaraan masih belum dimuktamadkan dan kita (Jawatankuasa Khas) akan menggunakan skim perumahan mampu milik sebagai penanda aras pembangunan semula.

"Apatah lagi ia akan melibatkan perumahan awam negeri," katanya kepada pemberita selepas sesi Taklimat Program Pembaharuan Semula Bandar Kerajaan Negeri bersama-sama penduduk Taman Free School berhubung cadangan pembangunan semula di sini baru-baru ini.

Bagi merungkaikan masalah ruang parkir yang terhad, Jagdeep menjelaskan bahawa pihaknya akan menyediakan satu ruang parkir bagi setiap unit kediaman di sini.

"Jawatankuasa Khas akan menjalankan Penilaian Kesan Trafik atau *Traffic Impact Assessment* (TIA) dari rumah ke rumah bagi mendapatkan data kaji selidik berhubung jumlah trafik dan keperluan ruang parkir dalam tempoh dua minggu termasuk cadangan membina ruang parkir bertingkat di sini," ujarnya.

Tambah Jagdeep, antara usaha-usaha pembaharuan semula termasuk cadangan membina sebuah kompleks komuniti lengkap dengan kemudahan pasar awam, medan selera dan dewan serbaguna serta satu tapak hijau yang dilengkapi dengan kemudahan sukan seperti gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton dan trek sukan.

"Sekiranya berjaya dan berjalan lancar, Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama yang melaksanakannya," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Terkini, Taman Free School mempunyai 1,124 unit di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

Sebanyak 651 unit di 15 blok lima tingkat di bawah Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri tidak mempunyai lif dan dijual menerusi skim sewa-beli dengan harga antara RM20,121 hingga RM22,536 dan berkeluasan antara 528 kaki persegi (kp) hingga 648 kp.

Manakala untuk unit-unit MBPP, sebanyak 473 unit merupakan unit sewa dengan kadar sewa antara RM97 (satu bilik) dan RM138 hingga RM179 (dua bilik) dengan keluasan 290 kp hingga 520 kp.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) meneliti ilustrasi artis pembangunan semula Taman Free School pada sesi Taklimat Program Pembaharuan Semula Bandar Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

AED di 10 tempat awam, selamatkan mangsa serangan jantung

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA – Penempatan alatan *Automated External Defibrillator* (AED) di 10 tempat awam yang dikenalpasti, meliputi kawasan pulau dan Seberang Perai menelan belanja RM41,340.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap, orang awam dapat melaksanakan teknik asas resusitasi kardiopulmonari (CPR) serta menggunakan alatan tersebut demi menyelamatkan nyawa seseorang akibat serangan jantung.

"Teknik-teknik yang dipelajari ini bakal menyelamatkan nyawa seseorang pada bila-bila masa ketika kecemasan berlaku," katanya pada Majlis Pelancaran AED Bersempena Penang-Heart-Safe Programme dan Perhimpunan Korporat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa Pulau Pinang merupakan negeri yang pertama menempatkan AED di tempat-tempat awam.

Difahamkan, lima AED disumbangkan oleh Kerajaan Negeri, manakala lima lagi oleh syarikat korporat, *Zul Corporation* atas program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Manakala, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif pula dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng kerana menempatkan empat buah AED di bahagian Seberang Perai, termasuk di bangunan MPSP.

Selain itu, beliau turut mengumumkan penubuhan satu unit baharu iaitu Unit Butterworth di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, sejak bulan Mei tahun lalu.

"Unit Butterworth bersama-sama satu unit lain, Unit Eco-City antara lain berfungsi untuk memantapkan lagi pentadbiran MPSP, selain memandu dan mengawal pembangunan berskala besar di Batu Kawan.

"Penubuhan unit ini adalah kelangsungan pada usahasama MPSP dan Think City Sdn. Bhd. dalam tempoh lima tahun mulai tahun ini untuk 'meremajakan' beberapa lokasi yang mempunyai nilai warisan tersendiri, termasuk Pekan Lama Butterworth," jelasnya.

Tidak cukup dengan itu, Maimunah menyatakan bahawa MPSP turut menubuhkan satu pasukan kerja bersama-sama *Yokohama City Council*, Universiti Yokohama, Universiti Sains Malaysia (USM) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) demi mengkaji dan merancang reka bentuk Bandar Bukit Mertajam.

Beliau turut membentangkan pelan tindakan bagi Sembilan Fokus MPSP 2016, iaitu Kebersihan, Keselamatan & Lalulintas, Penguatkuasaan, Kawalan Banjir, Pengindahan, Kehijauan & Kemudahan Awam, Penglibatan Komuniti, Pembinaan Kapasiti, Pengukuhan Fiskal dan Kecekapan Proses Kerja.

"Pelan strategi misi dicapai menjelang 2018 nanti. Fokus 2016 mempunyai sembilan fokus, 57 program dan 106 aktiviti yang telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini," jelas Maimunah.



BEBERAPA kakitangan MPSP memerhatikan alatan AED yang ditempatkan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP selepas majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.


DUA Ahli Majlis MPSP melakukan demonstrasi CPR.

Naiktaraf Pasar Awam Chowrasta lewat, kontraktor baru dilantik

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, kecewa apabila kontraktor yang diamanahkan untuk menyiapkan projek penaiktarafan Pasar Awam Chowrasta gagal menyiapkan kerja-kerja berkenaan tepat pada tempoh masanya.

Menurutnya, ia sangat mengecewakan apabila Kerajaan Negeri menggunakan sistem tender terbuka sebagai langkah telus, namun, kontraktor masih gagal memanfaatkannya.

"Apabila berlaku kelewatan seperti ini, ianya akan mengakibatkan peningkatan dari segi kos pembinaan sebanyak 30 hingga 40 peratus dan pastinya sangat merugikan dari segi kewangan dan masa.

"Selepas ini, Kerajaan Negeri bukan sahaja perlu mengkaji dari segi kos terbaik, bahkan latar belakang, kestabilan kewangan serta pengalaman dalam melaksanakan projek," katanya ketika mengadakan lawatan tapak ke Pasar Awam Chowrasta di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail turut sama hadir sambil diiringi Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye, Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan arkitek projek Ar. Ong Jin Cheng.

Guan Eng memberitahu, tempoh kelewatan projek tersebut mencecah sehingga 247 hari dari tarikh patut siap, 31 Mac 2015.

Dalam pada itu, pada sesi lawatan tersebut juga, beliau turut mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek yang diketuai Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng untuk memantau pelaksanaan semua projek berkaitan Kerajaan Negeri.

Difahamkan, ekoran kelewatan tersebut, kos asal projek penaiktarafan Pasar Awam Chowrasta yang berjumlah RM12.19 juta telah meningkat kepada RM13.866 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM1.67 juta.

Malah, kontraktor asal, Bertegas Makbul Sdn. Bhd. perlu membayar peningkatan kos terbabit kepada MBPP sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian sebelum ini.

Pembida kedua bagi projek terbabit, Fokus Murni Sdn. Bhd. kini dilantik untuk meneruskan kerja-kerja menaiktaraf yang bermula pada 8 Januari 2016 dan dijangka siap pada Oktober ini.


RUPA bentuk Pasar Awam Chowrasta kini.

Laksana Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, libat penjimatan RM200 juta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Kakitangan perkhidmatan awam yang berkhidmat di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) diseru untuk melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di pejabat masing-masing.

Langkah tersebut adalah perlu memandangkan Kerajaan Negeri kini dalam persediaan melaksanakan dasar berkaitan secara berperingkat.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) sedang merangka peraturan dan garis panduan mengenai kaedah pelaksanaan pengasingan sisa di punca agar ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Jelas beliau, pelaksanaan peraturan baharu tersebut digubal mengikut Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah di Punca serta Undang-undang Kecil Pengurusan dan Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Sampah.

"Secara umumnya, Kerajaan Negeri kini sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan dasar ini yang akan dikuatkuasakan secara mandatori pada 1 Jun 2016.

"Pelaksanaan dasar ini adalah membabitkan pengasingan sisa mengikut komposisi iaitu plastik, kertas, aluminium, kaca, logam, sisa domestik dan lain-lain sisa yang boleh dikitar semula," ucapnya pada Majlis Pelancaran Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Kategori Kompleks Kerajaan di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Jawi, Soon Lip Chee, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye yang mewakili Datuk Bandar MBPP dan Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Thing Siew Shuen.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut memberitahu bahawa tindakan penguatkuasaan tidak akan dikenakan terhadap sesiapa yang tidak mematuhi dasar berkenaan kelak.

"Kami (Kerajaan Negeri) faham, orang ramai memerlukan sedikit masa untuk menyesuaikan diri memandangkan kejayaan dasar ini juga bergantung kepada kesediaan serta kefahaman umum terhadap kepentingan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

"Justeru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PGC kini giat melaksanakan program-program publisiti serta pendidikan di semua peringkat termasuk mengadakan pameran hijau, kempen rumah ke rumah, penganjuran Anugerah Sekolah Hijau dan sebagainya bagi memastikan orang ramai benar-benar faham akan konsep pelaksanaannya," jelas beliau.



KETUA MENTERI, Chow Kon Yeow bersama-sama bersama-sama dif kehormat lain menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Kategori Kompleks Kerajaan di sini baru-baru ini.

Statistik terkini menunjukkan sejumlah 1,700 tan sampah dari seluruh negeri dikutip dan dilupuskan di tapak pelupusan Pulau Burung.

Malah, MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut memperuntukan RM95.64 juta dan RM98.99 juta masing-masing dalam bajet tahun ini bagi menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam. Sekiranya pelaksanaan dasar berkaitan berjaya, ia membolehkan penjimatan Kerajaan Negeri mencecah RM200 juta.

Bermula 1 Februari lalu, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di Komtar akan dibuat secara berperingkat iaitu melibatkan gerai-gerai di Paras 1 serta Paras 3, pejabat MBPP, pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pejabat Jabatan Kerajaan Negeri.

Seterusnya, ia juga akan turut dilaksanakan di pejabat Jabatan Negeri dan pejabat Jabatan Persekutuan serta agensi-agensi lain di seluruh menara Komtar.

Hasil keputusan berani, PP dapat nikmati kemudahan lebih baik di SPICE

BAYAN LEPAS – Dalam usaha meningkatkan daya saing pelaburan langsung asing (FDI) dan menjadi sebagai salah satu destinasi pilihan bagi mesyuarat *(Meetings),* insentif *(Incentives),* konvensyen *(Conventions)* dan pameran (*Exhibitions*) - (MICE) di rantau Asia Tenggara, penaiktarafan *Subterranean Penang International Convention & Exhibition Centre* (SPICE) dilihat sebagai satu keperluan infrastruktur yang perlu dibangunkan.



RUPA bentuk Pusat Akuatik SPICE yang telah siap dinaiktaraf.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Akuatik di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon serta barisan Exco Kerajaan Negeri, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Datuk Patahiyah Ismail dan Pemangku Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif SP Setia Berhad, Datuk Khor Chap Jen.

Guan Eng ketika mengulas berhubung usaha penaiktarafan tersebut menyatakan bahawa ia adalah seiring dengan perkembangan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan pelabur, sebuah hab perniagaan antarabangsa dan terdapat keperluan untuk memiliki sebuah pusat pameran berskala besar serta bertaraf antarabangsa di negeri ini.

"Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa bidang untuk penambahbaikan dalam usaha menarik lebih banyak FDI ke sini.

"Satu daripadanya adalah 'meremajakan' semula PISA (*Penang International Sports Arena*, tapak SPICE kini) dan membina sebuah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa dengan struktur yang lebih moden dan dinamik.


TAMAN tema air yang menjadi tarikan kanak-kanak.

"Meskipun mendapat tentangan daripada pihak pembangkang negeri dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) pada ketika itu, hasil daripada keputusan berani yang telah dibuat, Pulau Pinang kini dapat menikmati kemudahan yang lebih baik," ujarnya.

Selain itu, Guan Eng turut mengumumkan laluan transit aliran ringan (LRT) yang akan turut melalui SPICE sekiranya Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan.

"Lokasinya yang strategik serta berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah, SPICE akan meningkatkan lagi penawaran perkhidmatan MICE di Pulau Pinang," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Selain pembinaan sebuah pusat konvensyen baru yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun hadapan, SPICE turut mempunyai sebuah pusat akuatik dengan kolam renang bersaiz olimpik dan taman tema air.

Serentak itu, ia turut dilengkapi dengan kemudahan sukan seperti gelanggang badminton, gelanggang skuasy, gimnasium, kafe, klinik sukan dan sekolah renang yang dibuka setiap hari dari pukul 8 pagi hingga 11 malam termasuk cuti umum.


LIM Hock Seng (dua dari kanan) dan Mohd. Shoki Hamzah (kanan sekali) mengedarkan topi keledar mengikut piawaian kepada para penunggang motosikal di susur keluar Jambatan Pulau Pinang menghala Butterworth di sini baru-baru ini.

Sumbangan topi keledar ikut piawaian harap semarak kesedaran

GUNAKAN TOPI KELEDAR TEPATI PIAWAIAN... Inisiatif Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Pulau Pinang mengedarkan 60 topi keledar menepati piawaian kepada para penunggang motosikal baru-baru ini diharap dapat menyemarakkan kesedaran dalam kalangan pengguna berkaitan.

Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng berkata, sumbangan masing-masing 30 topi keledar penunggang dewasa dan kanak-kanak (30) terbabit diharap dapat membuatkan para penunggang supaya lebih berhati-hati di jalan raya terutamanya pada musim perayaan.

"Walaupun jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya semakin menurun saban tahun, namun kes kemalangan (jalan raya) adalah semakin tinggi," katanya ketika bersama-sama mengedarkan topi keledar kepada para pengguna di susur keluar Jambatan Pulau Pinang menghala Butterworth di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pengarah JKJR Negeri Pulau Pinang, Mohd. Shoki Hamzah.

Turut diedarkan, 500 unit *goodies* bag, ves keselamatan (50), pelekat pantulan cahaya (500) dan minyak pelincir tajaan *Petronas Lubricant Marketing Malaysia* (100 botol).

Mohd. Shoki memberitahu, statistik dari 2012 hingga tahun 2015 menunjukkan bahawa jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya adalah menurun setiap tahun, iaitu 400 kes dicatatkan pada 2012 berbanding 2015 (321).

PDC Setia Urus anggar kos naik taraf Komtar RM40 juta tahun 2016

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – PDC Setia Urus, sebuah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menjangkakan kos menaiktaraf bangunan Komtar yang menjadi ikon Pulau Pinang mencecah RM40 juta bagi tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PDC Setia Urus, Datuk Ir. Ang Choo Hong berkata, anggaran kos tersebut adalah bagi perancangan projek menaiktaraf bangunan Komtar Fasa 1 dan Fasa 2 bagi tahun 2016 yang meliputi kerja-kerja pemasangan sistem penghawa dingin termasuk unit-unit pengendalian udara (AHU), pemasangan tangga elektrik bergerak *(escalator)*, pembaikan lif, penambahan kamera litar tertutup (CCTV) dan pembaikan siling di ruang podium di sini.

Jelasnya, kerja-kerja teknikal dan fizikal tersebut juga akan melibatkan pembaikan struktur luaran serta dalaman Komtar, termasuk di menara Komtar setinggi 232 meter, kawasan Dome dan kawasan Komtar Fasa 2 (bangunan pusat membeli-belah Pacific Hypermarket).

"Tahun lalu (2015), PDC Setia Urus membelanjakan RM3 juta bagi kerja-kerja pemasangan dan penggantian pam air, penghawa dingin dan set generator.

"Selain itu, turut terlibat adalah kerja-kerja mencuci '*facade*', penggantian enam buah lif di zon tengah menara Komtar dan menyusun semula kiosk-kiosk perniagaan di Konkos Tingkat 3.

"Bagi tahun 2016 pula, ia banyak melibatkan kerja-kerja pemasangan dan penggantian utiliti, unit-unit teknikal serta CCTV di samping kerja-kerja bagi mewujudkan sistem kitar semula di kawasan Komtar," katanya ketika menyampaikan Taklimat Khas Mengenai Projek-projek di Komtar kepada '*stakeholders*' di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Dalam pada itu, tambah Choo Hong, projek-projek lain yang turut dilaksanakan bagi 'meremajakan' semula bangunan Komtar adalah seperti projek '*roof top*', pemasangan lif '*bubble*' di luar bangunan Komtar, menaiktaraf *The Top* (di Tingkat 5 sebagai restoran) dan juga kawasan meletak kereta bersebelahan Pejabat Pos Komtar.

"Menariknya, apabila projek-projek 'meremajakan' semula bangunan Komtar siap, suasana dan permandangan bangunan Komtar akan berubah menjadi lebih futuristik dan bercahaya," ujar beliau.

Menara Komtar merupakan bangunan tertinggi di Pulau Pinang yang menempatkan ruang-ruang pejabat serta menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Negeri.

Bangunan berusia lebih 30 tahun itu mempunyai keunikan tersendiri dengan reka bentuk dodekagon atau segi 12.



IR. Ang Choo Hong ketika menyampaikan Taklimat Khas Mengenai Projek-projek di Komtar baru-baru ini.

FARLIM SQUARE 發林廣場

Melaburlah di Titik Tumpuan Terhangat Bandar Baru Ayer Itam

Fasa 1 - HABIS DIJUAL
Fasa 2 - UNIT TERHAD

Diskaun 5% untuk Bumiputera

Berlokasi strategik di Bandar Baru Ayer Itam Pulau Pinang, Farlim Square merupakan destinasi bisnes pilihan utama buat pelabur komersial bijak masa kini. Memaparkan kedai pejabat 3 tingkat dengan pelan susunatur versatil berserta ruang letak kereta yang mencukupi, Farlim Square sesuai untuk pelbagai jenis perniagaan termasuk pejabat, restoran, hiburan dan banyak lagi.



Pembangunan Kini di Peringkat Maju



FARLIM GROUP (MALAYSIA) BHD. (82275-A)

Pejabat Pulau Pinang
1 Lintang Angsana, Bandar Baru Ayer Itam, 11500 Penang, Malaysia.
T 04-829 8899 F 04-829 8811/829 8555

Pejabat Petaling Jaya
No. 2-8, Bangunan Farlim Jalan PJS 10/32, Taman Sri Subang, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
T 03-5635 5533 F 03-5635 0301

Waktu Pejabat Galeri Jualan:
Isnin - Jumaat: 8.30pg - 5.30ptg
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum : Tutup

04-829 8899
www.farlim.com.my

PIHEC 2016 lakar sejarah, catat penyertaan terbesar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

BAYAN BARU – Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) siri ke-tujuh yang diadakan baru-baru ini di *Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre* (SPICE) melakar sejarahnya tersendiri apabila menerima penyertaan terbesar sejak diperkenalkan pada tahun 2010.

Sebanyak 326 buah syarikat dan industri sama ada dari dalam mahupun luar negara mempamerkan hasil produk dan perkhidmatan masing-masing dari 29 hingga 31 Januari lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir merasmikan PIHEC 2016 di sini berkata, magnitud penyertaan yang makin bertambah saban tahun bakal mengukuhkan rantaian nilai bekalan industri halal secara keseluruhannya dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah hab halal global.

"Melihat kepada peningkatan pesat industri halal, saya percaya melalui perkongsian dan kerjasama strategik dengan pemain industri halal antarabangsa yang lain, Pulau Pinang akan lebih menonjol serta mampu menjana pulangan yang lebih baik pada masa hadapan," katanya sambil memuji inisiatif yang dimainkan oleh *Penang International Halal Hub* (PIHH) atau lebih dikenali sebagai Halal Penang dalam membangunkan industri ini di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato, Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim selaku Pengerusi Halal Penang, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Ahli Lembaga Pengarah Halal Penang, Muhamad Sabu.

Penganjuran kali ini turut melibatkan penyertaan dari Pakistan, China, Korea, Indonesia, Thailand, Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat.



DR. Abdul Rahman Abbas (lima dari kanan) dan pengasas Festival Kari Sedunia, Zulfi Karim (tiga dari kiri) menyempurnakan gimik 'menumis rempah ratus' sambil diperhatikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Makan Malam Gala PIHEC Siri Ke-tujuh di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Malik ketika diminta mengulas memberitahu, penglibatan terbesar gerai pempamer pada penganjuran kali ini merupakan satu platform buat para usahawan terutama usahawan tempatan meneroka peluang perniagaan.

"Pelbagai perkhidmatan halal diketengahkan, antaranya rangkaian makanan dan minuman, kosmetik dan farmaseutikal, sistem perbankan dan kewangan Islam, pakaian muslim dan muslimah, agensi pelancongan, e-Dagang serta pembekal perkhidmatan pemasaran.

"Pasti ia tidak mengecewakan hampir 70,000 pengunjung yang hadir dan ingin mendapatkan tawaran istimewa produk-produk tempatan dan luar negara," ujar beliau.

Abdul Malik dalam pada itu turut meraikan delegasi luar negara dan tetamu jemputan khas dalam Majlis Makan Malam Gala yang diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

KM harap sepak takraw lahir 'bintang', wadah penyatu rakyat

JAWI – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap lebih banyak 'bintang baru' dalam sukan sepak takraw dilahirkan dari negeri ini, seperti tekong negara, Shahir Rosdi.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan pembukaan Gelanggang Berbumbung Sepak Takraw Kampung Bagan Buaya dekat Changkat, yang diadakan serentak dengan Pertandingan Sepak Takraw Piala Soon Lip Chee di sini baru-baru ini.

"Apabila kita memajukan satu-satu projek, kita (Kerajaan Negeri) nak lihat ia sebagai wadah penyatu semua penduduk.



WAJAH Gelanggang Sepak Takraw Kampung Bagan Buaya, Changkat di Parlimen Nibong Tebal, SPS.

"Di Pulau Pinang, suatu ketika dahulu terkenal dengan sukan bola sepak, tahun ini selepas lebih 10 tahun, akhirnya Pulau Pinang telah masuk ke Liga Super.

"Dan, saya berharap Kampung Bagan Buaya suatu hari nantipun akan terkenal dengan kejohanan sepak takraw," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, lebih RM100,000 peruntukan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, susulan permintaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memuji Lip Chee kerana berjaya menganjurkan kejohanan sepak takraw dengan penyertaan 47 pasukan, termasuk dari Perak, Sabah dan Sarawak.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu menjadi kerajaan untuk 68 peratus undi popular yang kita dapat semasa pilihan raya umum lalu, kita mahu menjadi kerajaan untuk semua 100 peratus rakyat Pulau Pinang.

"YB Soon (Lip Chee) telah membuktikan kemampuan Kampung Bagan Buaya akan terkenal suatu hari nanti, dengan menganjurkan suatu kejohanan yang disertai sebanyak 47 pasukan," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Sebelum itu, Lip Chee dalam ucapannya merakamkan penghargaan kerana pemimpin Kerajaan Negeri turut memberikan perhatian pada rancangan pembangunan di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), khususnya Parlimen Nibong Tebal dan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jason H'ng Mooi Lye turut sertai majlis perasmian tersebut.

Shahir Rosdi adalah anak jati Air Itam, hantaran luar biasa tekong tersebut dikatakan antara faktor Malaysia berjaya menundukkan jaguh Thailand dengan agregat 2-0 hasil kemenangan 21-7 dan 21-9, dalam Kejohanan ISTAF Super Series di Melaka pada Februari tahun lalu.



Anjuran :
Persatuan Penolong Pegawai Tanah Pulau Pinang &
Persatuan Nelayan Unit Bagan Ajam

BORANG PENYERTAAN
CABARAN JETI BAGAN AJAM 2016

Nama : .....
No. KP / No. Polis / No. Tentera : .....
Alamat : .....
.....
Umur : ..... Pekerjaan : .....
No. Tel : ..... Email : .....
Bersama-sama ini disertakan bayaran sebanyak RM ..... bagi yuran penyertaan untuk pertandingan ini.

AKUAN

Saya dengan ini mengaku tidak akan membabitkan pihak penganjur dan jawatankuasa di atas sebarang kejadian yang berlaku terhadap diri dan harta benda saya sebelum, ketika dan selapas PERTANDINGAN MEMANCING (CABARAN JETI BAGAN AJAM 2016).
Saya mengaku bahawa penyertaan dalam pertandingan ini tanggungjawab saya sendiri.
Saya juga akan mematuhi dengan sepenuhnya syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Tandatangan : ..... Tarikh : .....

SYARAT & PERATURAN

- Peserta yang dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini hanyalah mereka yang berdaftar melalui borang penyertaan yang disediakan oleh pihak penganjur.
- Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan tiada had umur ataupun jantina.
- Peserta yang berumur 18 tahun ke bawah perlu mendapat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga.
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada **13 MAC 2016 jam 11.30 pagi.**
- Yuran penyertaan adalah **RM 40.00.**
- Yuran penyertaan perlu diserahkan sebelum waktu pertandingan.
- Bagi peserta yang daftar lewat, mereka masih boleh menyertai pertandingan ini, tetapi masa tidak akan dilanjutkan.
- Setiap peserta dibenarkan mendaftar lebih dari **SATU (1) joran.**
- Setiap joran hanya dibenarkan mengunakan **MAKSIMUM 2 mata kail sahaja.**
- Ikan yang diperolehi akan ditimbang untuk mendapat beratnya dan dimestikan peserta membawa ikan tersebut dalam keadaan masih bermata kail. Pengesahan berat ikan hanya boleh dibuat oleh pihak urusetia dan hanya pihak urusetia sahaja yang dibenarkan membuka mata kail tersebut.
- Hanya umpan yang tidak mencemarkan alam sekitar sahaja dibenarkan. Pengunaan umpan tiruan, organ haiwan & katak tidak dibenarkan sama sekali.
- Penggunaan umpan mata tiga, tiga mata berangkai, koyan dan pelampung adalah dilarang. Pengunaan mata bom dan rambai juga tidak dibenarkan.
- Hanya kategori ikan terberat akan dipertandingkan.
- Bantahan terhadap keputusan pengadil hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa 15 minit selepas pertandingan ditamatkan dengan menyertakan RM 300.00. Wang tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.
- Ikan yang dinaikkan hendaklah bolt(dalam mulut). Ikan tidak boleh disentuh dan diletakkan di atas tanah.
- Ikan yang dipancing mestilah hidup, segar dan diserahkan kepada pengadil di meja urusetia. Bagi mengelakkan penipuan, peserta yang memperolehi tangkapan perlu menyerahkan ikan berkenaan bersama joran masing-masing kepada marsyal bertugas.
- Peserta juga tidak dibenarkan memancang atau merentang tali sebelum jam 7.00 pagi.
- Sekiranya terdapat peserta tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, penyertaan peserta dibatalkan.
- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas keselamatan, kemalangan, kehilangan harta benda, semasa, ketika dan selepas pertandingan.
- Masa pertandingan akan bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 11.30 pagi.
- Ikan adalah hak milik penganjur.
- Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh pihak urusetia dan semua keputusan adalah **MUKTAMAD.**
- Sebarang perubahan mana-mana syarat pertandingan adalah dibawah tanggungjawab penganjur.

Jambatan lengkung Jalan Sg. Dua bendung risiko banjir kilat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

BATU UBAN – Pembinaan sebuah jambatan lengkung atau *arch bridge* di Jalan Sungai Dua (berhadapan Restoran Bali-Bali) di sini dipercayai dapat membendung kejadian banjir kilat yang sering melanda kawasan berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, melalui penilaian yang dijalankan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan projek menaiktaraf sistem saliran di Jalan Sungai Dua.

"Ini termasuk membina sebuah jambatan lengkung bagi mengurangkan risiko kejadian banjir di sini," katanya pada sesi lawatan tapak projek berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang, Ir. Salleh Awang dan Jurutera Daerah Timur Laut bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Haslinda Mohd. Hamran.



KEADAAN Jalan Sungai Dua yang dinaiktaraf.



CHOW Kon Yeow (tengah), Dr. T. Jayabalan (tiga dari kanan) bersama-sama pegawai-pegawai agensi berkaitan meneliti pelan projek pada sesi lawatan tapak projek di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, selain pembinaan jambatan lengkung, projek bernilai RM4.4 juta tersebut juga bakal membabitkan pembesaran dan pelebaran sungai serta pembinaan beberapa saliran longkang merentasi laluan bawah tanah.

"Apabila siap kelak, sistem saliran di Jalan Sungai Dua akan menjadi lebih sempurna terutama pada musim-musim hujan, sekaligus dapat mengurangkan masalah banjir kilat yang sering berlaku di sini," jelas beliau yang juga ADUN Padang Kota.

Tambah Kon Yeow, bermula 15 Februari 2016 sehingga 5 Februari 2017, laluan di Jalan Sungai Dua bakal dilencongkan bagi membolehkan kerja-kerja pengalihan kabel-kabel utiliti dilaksanakan.

"Ini termasuk kerja-kerja tanah dan pembinaan cerucuk jambatan lengkung yang memerlukan penelitian khusus," ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow berharap para pengguna jalanraya serta penduduk di kawasan terlibat dapat bersabar kerana beberapa kesulitan mungkin dihadapi terutama kesesakan lalulintas sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

"Lanjutan itu, kawasan parkir berdekatan bangunan komersil, *Vanda Yellow House* turut akan terjejas dan tapak parkir baharu percuma akan disediakan di hadapan Restoran Bali-Bali bagi kemudahan orang ramai.

"Saya berharap agar orang ramai dapat mematuhi arahan-arahan papan tanda di kawasan tersebut bagi mengelakkan sebarang kesulitan," katanya.



Replika kelip-kelip promosi pelancongan Nibong Tebal

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



STRUKTUR replika kelip-kelip (depan) dan sruktur replika kapal (belakang) yang siap dinaiktaraf di Bulatan Jalan Sungai Daun di sini baru-baru ini.

JAWI – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap replika kelip-kelip yang siap dinaiktaraf di Bulatan Sungai Daun akan menjadi mercu tanda bandar Nibong Tebal di sini.

Malah, beliau juga berharap ia mampu menggamit pelancong serta peminat kelip-kelip ke negeri ini.

"Tambahan pula kedudukannya yang amat strategik di mana bulatan ini merupakan laluan utama kenderaan ke bandar Nibong Tebal dari Butterworth dan Kuala Lumpur.

"Kerja-kerja menaiktaraf ini seiring dengan dasar Kerajaan Negeri pada hari ini untuk meningkatkan promosi pelancongan di negeri ini selari dengan Tahun Melawat Pulau Pinang," katanya pada Majlis Perasmian Projek CSR Bulatan Kelip-kelip dan Mercu Tanda Kapal Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada pemaju perumahan, Epic Valley Holdings Sdn. Bhd. (Epic Valley) kerana menyumbang sebanyak RM80,000 atas nama program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk projek penarafan itu.

Difahamkan, projek penarafan tersebut adalah usahasama pihak korporat dengan sokongan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang.

Sebelum itu, Maimunah memberitahu, sumbangan berkaitan adalah terdiri oleh pembiayaan kos penyelenggaraan untuk mengindahkan semula kawasan lapang berkeluasan 4,745 meter persegi, yang berada di dalam rizab jalan selenggaraan JKR.

"Syarikat Epic Valley juga telah bersetuju untuk menyelenggara projek ini untuk tempoh tiga tahun...langkah ini amat dialu-alukan kerana sebelum ini mercu tanda yang dibina menjadi usang kerana tiada pihak yang mengambil tanggungjawab untuk menyelenggara struktur tersebut.

"Di sini, saya juga ingin menyeru agar syarikat-syarikat korporat yang lain dapat mengikut jejak langkah Epic Valley dan tampil untuk menaja 32 buah lokasi yang telah dikenalpasti di bawah program CSR," ujar Maimunah.

Selain Lip Chee, hadir sama antaranya Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal), Ir. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan Tan Sri Datuk Paduka Prof. Dr. F'ng Ah Seng (Pengarah Urusan Epic Valley Holdings Sdn. Bhd.).

Difahamkan, struktur replika kelip-kelip yang dibina di sini adalah berdasarkan wujudnya ekosistem unggas itu di sekitar Tanjung Berembang, Seberang Perai Selatan (SPS).

Biasiswa pendidikan dimangsakan sedangkan rasuah, ketirisan dan skandal kewangan melimpah ruah

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

IMPIAN ribuan anak muda lepasan sekolah berkecai ekoran pengumuman semakan semula Bajet 2016. Ini kerana mereka telah bertungkus lumus dalam pengajian mereka demi mencapai keputusan cemerlang. Mereka telah banyak berkorban masa dan wang dengan harapan untuk meraih biasiswa kerajaan yang dijanjikan bagi meneruskan cita-cita mereka untuk belajar di universiti terbaik.

Malangnya, sekurang-kurangnya 2,436 pelajar akan kehilangan peluang mereka kerana keputusan kerajaan untuk mengurangkan program biasiswa JPA sebanyak 20 hingga 60 peratus.

Dalam kenyataan beliau, Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak tidak memberi gambaran keseluruhan yang benar apabila mengisytiharkan bahawa kerajaan "telah bersetuju untuk meneruskan empat program biasiswa JPA untuk tahun 2016," iaitu, Program Biasiswa Nasional, Program Khas Kejuruteraan ke Jepun, Korea, Jerman dan Perancis, Program Lepasan Bursary dan Program Ijazah Pertama dalam Negara.

Walaupun benar bahawa empat program ini akan diteruskan, Perdana Menteri gagal mendedahkan bahawa semua program ini akan dipotong dengan ketara berbanding peruntukan tahun lepas, seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Program	2016	2015	Perbezaan
Program Biasiswa Nasional	20	50	-60%
Program Khas Kejuruteraan	200	300	-33%
Program Lepasan Bursary	744	1,000	-25%
Biasiswa Ijazah Pertama Dalam Negara	8,000	10,050	-20%
Total	**8,964**	**11,400**	**-21%**

Jadual: Bilangan biasiswa JPA untuk 2016 dan 2015

Keputusan mengurangkan keempat-empat program biasiswa JPA sebanyak 20 hingga 60 peratus sangat mendukacitakan. Hakikatnya, jumlah wang yang diperuntukkan bagi biasiswa JPA dalam Bajet 2016 adalah tidak banyak – hanya RM1.65 bilion, itu pun setelah dikurangkan daripada RM1.93 bilion bagi tahun 2015.

Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20.3 bilion untuk Jabatan Perdana Menteri (JPM), masakan dana tidak boleh disalurkan daripada JPM bagi membiayai biasiswa JPA? Lagipun, Najib telah membuktikan betapa senangnya beliau boleh memperolehi wang derma sebanyak RM2.6 bilion, iaitu jauh lebih banyak daripada yang diperlukan untuk membiayai pengajian pelajar-pelajar cemerlang negara kita.

Dalam pada itu, jika kekangan kewangan merupakan alasan utama bagi keputusan ini, maka ia sebenarnya membuktikan kegagalan kepimpinan Najib untuk menguruskan ekonomi dan kewangan negara dengan baik.

Meskipun kita tidak menafikan faktor-faktor luaran seperti kejatuhan harga minyak dunia, kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat dan kelembapan ekonomi China sebagai sebab-sebab permasalahan ekonomi yang dihadapi negara kita, namun pelbagai pakar ekonomi termasuk Bank Negara sendiri pernah mengenalpasti skandal wang derma RM2.6 bilion ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri serta hutang 1MDB yang masih tidak selesai dengan sepenuhnya sebagai antara punca kehilangan keyakinan pelabur dalam negara kita, lantas menyumbang kepada kejatuhan ketara nilai matawang ringgit. Adakah ini yang diuar-uarkan sebagai "Najibnomics?"

Justeru, daripada memangsakan pelajar-pelajar kita, kerajaan seharusnya terlebih dahulu mengatasi segala ketirisan dan salah tadbir yang merugikan negara kita. Sebagai contoh, Bajet Pakatan Harapan Alternatif 2016 menganggarkan bahawa penjimatan kira-kira RM30 bilion atau lebih 10 peratus daripada Belanjawan Persekutuan boleh dicapai hanya dengan memperkenalkan dasar-dasar perolehan yang lebih telus seperti tender terbuka, menghapuskan monopoli tidak kompetitif dan mengurangkan amalan *rent-seeking*.

Antara pemotongan lain yang boleh dibuat adalah dengan mengurangkan peruntukan JPM yang kian melampau. Pada tahun 2006, JPM hanya diperuntukkan RM4.26 bilion, dan dalam masa 10 tahun angka ini sudah digandakan lima kali kepada RM20.30 bilion. Apakah perlunya peruntukan yang begitu besar dalam tangan Perdana Menteri?

Tambahan kepada itu, bilangan menteri dan timbalan menteri kita sudah berjumlah hampir 70 orang sekarang. Jika dibandingkan, negara Australia hanya mempunyai 21 orang Menteri Kabinet, sementara United Kingdom mempunyai 22. Di Malaysia, kita mempunyai 36 orang Menteri Kabinet, serta empat Wakil Khas dan empat Penasihat Khas yang bertaraf menteri. Ini bermaksud kita mempunyai 44 orang bertaraf menteri penuh, iaitu dua kali ganda negara Australia dan United Kingdom. Adakah ini kerana kita memerlukan dua orang menteri untuk melakukan kerja seorang menteri?

Pada masa yang sama, rakyat Malaysia tidak boleh menerima potongan besar dalam sektor pendidikan sedangkan pada masa yang sama, rasuah, ketirisan dan skandal kewangan melimpah ruah. Berpuluh-puluh bilion ringgit sudah pun terbazir melalui skandal besar seperti 1MDB, Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dan skandal Forex Bank Negara, sekadar menamakan beberapa contoh. Menurut laporan terbaru pemerhati kewangan Global Financial Integrity yang diterbitkan bulan lalu, Malaysia kehilangan sejumlah USD48.25 bilion pada tahun 2013 sahaja melalui aliran keluar modal haram berpunca daripada pengelakan cukai, jenayah, rasuah, dan aktiviti haram lain.

Apabila RM500 juta boleh dibayar sebagai "komisyen" bagi pembelian kapal selam dan RM250 juta pinjaman mudah untuk tujuan penternakan lembu boleh diberikan kepada mereka yang tidak mempunyai pengalaman tetapi memiliki hubungan politik, tindakan kerajaan untuk menafikan peluang pelajar-pelajar cemerlang kita untuk melanjutkan pendidikan mereka dalam universiti terbaik dunia langsung tidak boleh diterima dan sungguh menghampakan



ZAIRIL Khir Johari (tiga dari kiri) menyumbang dan mengagihkan makanan kepada penganut-penganut agama Hindu yang melakukan ibadah Thaipusam di Kebun Bunga.



BERBARIS bersama pasukan Wakil Rakyat Pulau Pinang dalam perlawanan persahabatan di Stadium Bandaraya.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapee adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkttengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungaipinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Dahalan Fazil	019 - 727 4388
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azrul Mahathir Aziz	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999
DIREKTORI TELEFON	103
OPERATOR ANTARABANGSA	101
HOTLINE MBPP	04-263 7637 04-263 7000
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957
KASTAM	04-262 2300
IMIGRESEN	04-250 3419
WCC (*Women's Centre for Change*)	04-228 0342
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340
EPF	04-226 1000
SOCSO	04-238 9888

JPJ	04-656 4131 04-398 8809
JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
(BUTTERWORTH)	04-310 2377
JAMBATAN PP	04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 010 - 542 9158	- Mohd. Zaki Ismail
N2	Bertam	: 019 - 593 3736	- Fatimah Bakar
N3	Pinang Tunggal	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin
N4	Permatang Berangan	: 019 - 556 4664	- R. M Reza
N5	Sungai Dua	: 013 - 417 3068	- Siti Zunnurain Zulkafli
N6	Telok Air Tawar	: 016 - 463 3866	- Malik Bakar
N7	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan
N10	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander
N11	Permatang Pasir	: 019 - 412 8442 013 - 595 6865	- Kamal - Rosli
N12	Penanti	: 04 - 538 2871 04 - 538 3871	- Tira
N13	Berapit	: 016 - 401 3507 017 - 446 1817	- Mr.Lim - Yeoh Ee Yee
N14	Machang Bubuk	: 012 - 474 0964 012 - 473 0964	- Andrew Chin - Ikhwan
N15	Padang Lalang	: 017 - 552 8928 014 - 945 9786	- Chan - Lai
N16	Perai	: 04 - 399 6689	- Selvi
N17	Bukit Tengah	: 013 - 518 8735	- Lim Tuan Chun
N18	Bukit Tambun	: 016 - 404 9120 017 - 378 4448	- G.Dumany - Khor
N19	Jawi	: 017 - 408 4784 012 - 456 5018	- Abdul Halim - Mr. Khor
N20	Sungai Bakap	: 019 - 552 8689 012 - 542 4454	- Norjuliana - Hasbullah
N21	Sungai Acheh	: 0111-508 0215	- Siti Hajar Abdul Aziz
N22	Tanjong Bungah	: 012 - 465 0021 011 - 12441069	- Tina - Hezreen
N23	Air Putih	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N24	Kebun Bunga	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N25	Pulau Tikus	: 017 - 956 3237	- Quah
N26	Padang Kota	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N27	Pengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N28	KOMTAR	: 012 - 423 3227 010 - 811 7300	- Benji Ang - Razin
N29	Datok Keramat	: 04 - 226 2464	- Kalvinder
N30	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Shuen
N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Karuna
N32	Seri Delima	: 019 - 4474362 012 - 5242549	Mahen James
N33	Air Itam	: 012 - 4730736 016 - 4940705	- Anne - Janet
N34	Paya Terubong	: 012 - 484 1963 016 - 205 1185	- Toon Hoon Lee - Frankie Kee
N35	Batu Uban	: 016 - 480 0232 016 - 487 8602 016 - 444 3550	- Jalal - Khairul - Sathya
N36	Pantai Jerejak	: 04 - 646 4700	- Aliff / Shamsudin
N37	Batu Maung	: 019 - 498 1096 016 - 428 6158	- Amirulzaman - Danny Ho
N38	Bayan Lepas	: 010 - 773 2395	- Firdaus
N39	Pulau Betong	: 016 - 407 2135	- Zulkiflee Ahmad
N40	Telok Bahang	: 017 - 413 5695	- Johan Abu Bakar

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2016

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Goh Choon Aik	04-588 3045 019 457 3222
Alias Wan Chek	019 - 540 4553
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Muhamad Suzuki Ahmad	012 - 465 4419
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorty	Seberang Perai Tengah	-	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 6901

Nota:
Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2016

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012- 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019- 225 6502
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack	017 - 473 0194
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Chong Eng dalam kenyataan berasingan memberitahu, kejohanan tersebut bukan sahaja untuk mengetengahkan 'bintang' baru negara, bahkan demi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang dikenali sebagai bandar sukan di rantau ini.

Sejajar dengan impian itu, katanya, Kerajaan Negeri sendiri turut memberi insentif galakan di bawah Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) kepada atlet-atlet kelahiran Pulau Pinang yang cemerlang dalam pertandingan serta kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Tambah beliau, Chong Wei merupakan antara atlet kelahiran Pulau Pinang yang beberapa kali menerima penghargaan langsung daripada Kerajaan Negeri, antaranya Anugerah Olahragawan Negeri selepas kejayaannya merangkul pingat perak dalam kejohanan antarabangsa Olimpik 2012 di Sydney, Australia.



AKSI Lee Chong Wei pada Kejohanan Badminton Victor Far East Malaysia Master 2016 di sini baru-baru ini.

Muatnaik aplikasi *AktifPenang*, setiap jarak adalah amal kutip RM100,000



CHONG Eng (barisan hadapan, lima dari kanan), Steven Sim Chee Keong (barisan hadapan, enam dari kanan) dan Frederick Tan Teck An (barisan hadapan, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan ahli jawatankuasa program-program sukan pada Majlis Pelancaran Kalendar Sukan Massa Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Orang ramai terutamanya yang gemarkan aktiviti riadah dan sukan digalakkan memuatnaik aplikasi terbaru, *AktifPenang* dalam usaha mempromosikan Pulau Pinang yang lebih sihat.

Aplikasi tersebut digunakan bagi merekod dan mengesan jarak aktiviti sukan yang dilakukan sama ada melalui berjalan kaki, berlari mahupun berbasikal sambil menderma.

Menurut Ahli Majlis Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri bagi Belia & Sukan, Steven Sim Chee Keong, kempen memuatnaik aplikasi berkaitan adalah bagi mengumpul sejumlah RM100,000 untuk didermakan kepada badan kebajikan terpilih.

"Melalui aplikasi ini, setiap kilometer (km) yang dicatatkan akan melayakkan anda menderma sebanyak RM0.10 dan kami (penganjur dan penaja) mensasarkan kutipan mencecah RM100,000 menjelang akhir tahun 2016 iaitu bersamaan 1,000,000 km.

"Memang mustahil untuk seorang individu mengumpulkan sejuta kilometer (km) setahun, tetapi kita mampu lakukannya beramai-ramai, justeru, jadilah sebahagian daripada komuniti *AktifPenang*," katanya pada Majlis Pelancaran Kalendar Sukan Massa Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) Frederick Tan Teck An serta pengerusi persatuan-persatuan sukan negeri Pulau Pinang turut sama hadir memeriahkan majlis.

Chong Eng dalam ucapannya menyarankan agar rakyat Pulau Pinang supaya terus mengekalkan gaya hidup sihat dalam usaha menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai sebuah 'Bandaraya Sukan'.

"Ayuh, muat naik aplikasi ini dan terus bersukan kerana setiap jarak diambil kira dan setiap jarak itu adalah amal.

"Kerajaan Negeri percaya dalam membina sebuah masyarakat yang lebih baik, rakyatnya perlu menjalani kehidupan yang lebih sihat dan salah satunya adalah melalui aktiviti kesukanan," jelas beliau.

Serentak dengan itu, Chong Eng turut memuji MSNPP kerana berjaya mengatur pelbagai program bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO) sambil mengumpul dana kebajikan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Antaranya, pengumpulan dana berjumlah RM1 juta pada 2014 untuk membeli lima buah van orang kurang upaya (OKU) bagi kegunaan pertubuhan kebajikan, *Eden Handicap Centre*.

Rak basikal berlandskap ke arah 'Bandar Basikal'

RAK BASIKAL AWAM . . . Sebanyak 10 rak basikal berlandskap disediakan pihak pengurusan pusat membeli-belah Plaza Gurney di bahagian belakang bangunan pasar raya berkaitan di sini baru-baru ini.

Inisiatif tersebut secara langsung memperoleh pujian daripada Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan.



CHOW Kon Yeow (lima dari kanan sambil dibantu Ar. Yew Tung Seang (tiga dari kanan) meletakkan basikal sebagai menyempurnakan Majlis Perasmian Rak Basikal Berlandskap di sini baru-baru ini.

Kata Kon Yeow, inisiatif tersebut adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mahu Pulau Pinang dikenali sebagai 'Bandar Berbasikal' di rantau ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Ong Ah Teong (Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), Ar. Yew Tung Seang (Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MBPP) serta Pengerusi Kelab Berbasikal Bike On Friday (BOF), Dr. Lim Seh Guan.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri melalui MBPP mengumumkan untuk menyiapkan laluan basikal berdedikasi sepanjang 33 kilometer (km) bernilai RM30.6 juta dengan sebahagiannya dibiayai beberapa pemaju swasta.



RUPA bentuk rak yang disediakan.

Cari dan lupuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di luar rumah

BEKAS MAKANAN POLISTERIN



- Buang dalam tong sampah yang tertutup

ALAS PASU BUNGA



- Berus dan cuci setiap minggu atau
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik

BEKAS SIMPANAN AIR



- Berus dan cuci setiap minggu atau
- Tutup dengan rapat atau
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik

PASU BUNGA



- Gemburkan tanah setiap minggu atau
- Pastikan pasu bunga tidak menakung air

BOTOL DAN TIN



- Kumpul dan lupuskan dengan sempurna atau
- Letak di tempat yang terlindung dari hujan

TAYAR TERPAKAI



- Letak di tempat yang terlindung dari hujan atau
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik atau
- Lubangkan jika perlu atau
- Susun dan tutup rapat di bahagian atas

POKOK BUNGA BERKELOPAK



- Pastikan tiada air bertakung di dalam kelopak bunga

LANTAI KORIDOR YANG BERSAMPAH DAN TIDAK RATA



- Buang dan lupuskan sampah yang menyebabkan air bertakung
- Cuci dan bersihkan setiap minggu

BEKAS MINUMAN HAIWAN TERNAKAN/ PELIHARAAN



- Berus, cuci dan tukar air setiap minggu
- Telangkupkan jika tidak digunakan supaya tidak menakung air

SEMUA BEKAS PLASTIK



- Buang air yang bertakung
- Kumpul dan lupuskan dengan sempurna

PERABOT ROSAK



- Kumpul dan lupus dengan sempurna atau
- Simpan di tempat terlindung dari hujan atau
- Kutip dan buang dengan sempurna

Amalan mudah, banyak faedah

Terbitan Semula
Unit Promosi Kesihatan
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
100,000/2015
www.myhealth.gov.my I www.infosihat.gov.my

Anda mampu lakukan 10 minit je..



Lupuskan tempat pembiakan Tiada Aedes



- Kita sentiasa sibuk dengan urusan harian, tetapi kita tidak boleh abaikan kesihatan kita
- Peruntukkan **10 minit setiap minggu** untuk kita cari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes, pembawa demam denggi
- Kelalaian kita boleh menyebabkan **penderitaan** dan **kematian** diri kita dan orang yang kita sayangi

KITARAN HIDUP NYAMUK AEDES



Kitaran hidup nyamuk Aedes mengambil masa hanya seminggu, bermula dari telur hingga menjadi nyamuk dewasa

APA YANG PERLU KITA LAKUKAN.....

Cari dan lupuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di dalam rumah

Kolah air



Berus dan cuci setiap minggu atau
Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik

Dulang peti sejuk



- Berus dan cuci setiap minggu atau
- Tutup dengan rapat atau
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik

Pam tandas



- Jika rosak, baiki segera atau
- Tutup dengan rapat atau
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik

Bekas jambangan bunga



- Berus dan salin airnya setiap minggu atau
- Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik atau
- Gunakan gel sebagai pengganti air

Ingat!!!

Berus dan sental bekas-bekas yang dicuci untuk membuang telur-telur nyamuk yang melekat di dinding bekas.
Telur nyamuk boleh hidup selama 6 bulan tanpa air.

Elak Gigitan Nyamuk Aedes



GUNAKAN REPELAN NYAMUK!
(MOSQUITO REPELLENT)

Apa itu Repelan Nyamuk?
Racun serangga yang disapu pada bahagian kulit, pakaian atau permukaan badan lain untuk menghalang dan mencegah nyamuk daripada hinggap dan menggigit manusia.

BILA PERLU GUNA?
Gunakan pada waktu nyamuk Aedes aktif menggigit terutamanya antara :
6 pagi - 8 pagi & 6 petang - 8 malam





Jika anda disyaki menghidap Demam Denggi, gunakan repelan nyamuk untuk mencegah penyebaran virus denggi.

TIPS
Pakai baju lengan panjang dan berwarna cerah ketika di luar rumah.



- Baca arahan penggunaan pada label produk.
- Repelan nyamuk perlu disapu pada bahagian kulit yang terdedah.
- Elakkan menyapu repelan nyamuk pada kulit yang luka.

JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG
www.infosihat.gov.my | www.myhealth.gov.my | www.moh.gov.my

Bunuh JENTIK-JENTIK dengan Temephos



- Temephos adalah bahan kimia yang diguna untuk membunuh jentik-jentik Aedes.
- Ia tidak menjejaskan kesihatan manusia.
- Ianya tahan selama 3 bulan (tanpa dicuci) bagi setiap kali penggunaan.
- Cara penggunaan: dimasukkan ke dalam bekas-bekas takungan air seperti kolah, baldi dan tong deram serta bekas-bekas air bertakung seperti perangkap semut dan alas pasu bunga.
- Sukatan penggunaan Temephos:
  - Sukatan Asas:
    20 gelen (100 liter) air : 10 gm Temephos

Jenis Bekas Takungan Air



Sukatan Air : 5 gelen / 25 liter	Sukatan Air : 10 gelen/50 liter	Sukatan Air : 40 gelen/200 liter
Sukatan Temephos : 2.5 gram	Sukatan Temephos : 5 gram	Sukatan Temephos : 20 gram

Temephos selamat kepada manusia dan haiwan peliharaan jika digunakan mengikut sukatan yang betul.

- Antara jenama temephos yang terdapat di pasaran :
  - Creek 1.0G
  - Abate 1.1G
  - Lavette 1.0G
  - Azai 1%





Sebelum anda pulang ke kampung, pastikan anda...

- ✔ Buang semua bekas yang boleh menakung air di dalam dan di luar rumah.
- ✔ Keringkan takungan air atau masukkan ubat jentik-jentik *(temephos)* ke dalam kolah, kolam, pelapik pasu dan lain-lain.

TIADA AEDES TIADA DENGGI



Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes



Di Dalam Rumah:
- Bekas jambangan bunga *(vase)*
- Kolam (kolah) mandi
- Dulang takungan air peti sejuk
- Tangki simpanan air
- Lain-lain bekas menyimpan air



Di Luar Rumah:
- Tayar buruk
- Plastik yang boleh menakung air, tin-tin minuman dan bekas makanan polisterin
- Botol atau gelas pecah yang boleh menakung air
- Palong hujan *(roof gutter)*
- Tempurung, kulit koko, tunggul pokok pisang, buluh atau daun keladi



Cegah Pembiakan Nyamuk Aedes

- Pastikan semua bekas yang boleh menakung air dibuang dengan betul
- Tutup semua bekas menyimpan air, atau
  - masukkan bahan pembunuh jentik-jentik *(temephos)* mengikut sukatan yang disyorkan pada label, atau
  - tukar air dan sental bekas menyimpan air sehingga bersih, seminggu sekali
- Tukar air dan bersihkan bekas bunga setiap minggu
- Cuci dan sental hingga bersih piring alas pasu bunga untuk menghapuskan telur nyamuk Aedes setiap minggu
- Periksa palong hujan *(roof gutter)* seminggu sekali dan pastikan air tidak bertakung
- Hapuskan nyamuk Aedes dewasa dengan menggunakan semburan racun serangga *(aerosol)*



Unit Promosi Kesihatan
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
www.infosihat.gov.my
www.myhealth.gov.my

Reka bentuk semula Bkt. Mertajam, projek usahasama MPSP, ThinkCity



LEMBARAN grafik dan informasi mengenai projek reka bentuk semula pekan Bukit Mertajam.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung kuning), para pemimpin negeri serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) setempat diberi penjelasan mengenai cadangan reka bentuk semula Bukit Mertajam pada majlis pembentangan yang diadakan di sini baru-baru ini.

BERAPIT – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan bekerjasama dengan City Of Yokohama, Jepun serta beberapa agensi lain untuk melaksanakan projek reka bentuk semula bandar *(urban design)* Bukit Mertajam.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, usahasama itu adalah projek kelangsungan di bawah Program Butterworth Baharu.

"Pada tahun 2016, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan terus komited dalam memacu pembangunan mampan di Seberang Perai.

"Ini adalah projek '*urban design*' Bukit Mertajam," jelas Maimunah kepada pemberita, selepas Majlis Pembentangan Cadangan Pelan Reka Bentuk Semula Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Chong Eng (Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Padang Lalang merangkap Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat) turut sertai majlis penerangan itu.

Dalam perkembangan sama, Maimunah baru-baru ini memeterai satu perjanjian usahasama dengan Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) untuk meremajakan reka bentuk beberapa pekan yang mempunyai nilai warisan tersendiri, dalam tempoh lima tahun akan datang di Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) melalui Program Butterworth Baharu.

Mewakili MPSP, Maimunah menandatangani suatu perjanjian persefahaman (MOU) dengan Pengarah Eksekutif ThinkCity, Hamdan Abdul Majeed.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Warisan, Kesenian dan Hal Ehwal Bukan Islam turut menyaksikan majlis pemeteraian MOU itu.

Seperti peremajaan George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO beberapa tahun lalu, ThinkCity akan mengeluarkan geran untuk kerja-kerja pemuliharaan semula empat lokasi yang telah dikenalpasti, di bawah Program Butterworth Baharu.

Empat kawasan tersebut adalah Pekan Lama Butterworth, Penang Sentral, Butterworth Waterfront dan Sungai Perai.

Difahamkan, Projek Reka Bentuk Semula Pekan Bukit Mertajam dengan usahasama MPSP dan ThinkCity antara lain kerana pekan lama ini mempunyai nilai warisannya yang tersendiri.

Laluan basikal berdedikasi, libatkan kos sekilometer berbeza-beza - MBPP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Usaha Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyiapkan laluan basikal berdedikasi sepanjang 33 kilometer (km) bernilai RM30.6 juta menjelang 2020 turut dibiayai beberapa pemaju swasta dan bukan hanya daripada dana pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan semata-mata.

Kenyataan tersebut dinyatakan Timbalan Pengarah Bahagian Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran ketika menjawab dakwaan pihak-pihak tertentu berhubung isu kos pembinaan laluan basikal berdedikasi berkenaan yang dianggap terlalu mahal, serta kononnya hanya dibiayai MBPP sahaja.

"Rancangan pembinaan laluan tersebut akan menyelusuri persisir pantai dari Tanjung Tokong ke tepian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan berakhir di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dekat Bayan Lepas.

"Laluan-laluan basikal ini adalah melibatkan kos sekilometer yang berbeza-beza berdasarkan tender berasingan dan berperingkat untuk bahagian-bahagian tertentu.

"Untuk bahagian-bahagian yang dibina dan dikelola oleh MBPP, kita (MBPP) menggunakan sistem tender terbuka sepenuhnya dengan pemilihan harga paling kompetitif.

"Perlu diketahui bahawa jenis laluan yang disediakan bagi setiap kawasan adalah berbeza dan ini akan menentukan kos pembinaan sebenar.

"Contohnya, terdapat bahagian yang memerlukan pembinaan jambatan atau jejantas bagi merentangi sungai serta melengkapkan laluan basikal sedia ada," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang.

Mengulas lanjut, Rajendran memberitahu bahawa daripada keseluruhan laluan tersebut, sepanjang 12.5km lorong basikal telah selesai dinaiktaraf.

"Bakinya dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2020," ujarnya.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (depan) turut menyertai aktiviti berbasikal, ***Bike On Friday*** **(BOF) menggunakan laluan khas basikal di sini.**

‘Pekan Bangla’, Ahli Majlis minta penguatkuasaan berwajib

SEBERANG JAYA – Premis-premis perniagaan di Bukit Mertajam yang banyak dikuasai buruh asing seakan menjadikan kawasan komersial itu umpama ‘Pekan Bangla’, kata Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees.

“Sekarang, saya nampak warga asing sudah berani menjalankan perniagaan dalam premis.

“Saya meminta pihak penguatkuasa mengambil tindakan di Pekan Bukit Mertajam, kerana sekarang telah pun menjadi seperti ‘Pekan Bangla’,’’ katanya dalam Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Beliau dalam pada itu turut meminta pihak pentadbiran MPSP mengemukakan rekod penguatkuasaan ke atas warganegara yang menyalahguna lesen perniagaan untuk warga asing menjalankan perniagaan secara ‘haram’ di Pekan Bukit Mertajam.

Menjawab isu tersebut, Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamud memberitahu, sebanyak lima operasi bersepadu dilaksanakan pada tahun lalu.

“Semasa kita membuat operasi itu, (warganegara) pemilik lesen (perniagaan) itu ada di premis.

“Bagaimanapun, kesalahan imigresen sebanyak 154 membabitkan warga asing... dan operasi bersepadu ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

“Lesen untuk perniagaan tidak diberikan kepada warga asing, tetapi lesen premis perniagaan, warga asing boleh mohon (daripada MPSP),” jelasnya.

Rozali memberitahu, pihaknya akan mengemukakan statistik terperinci seperti diminta Satees dalam tempoh terdekat.

Mengulas lanjut, Satees memberitahu, penguatkuasaan berwajib MPSP itu adalah selari dengan langkah Kerajaan Negeri melaksanakan larangan penjaja warganegara mengupah buruh asing menjadi tukang masak utama di Pulau Pinang.

Sebelum itu, Maimunah sekali lagi menjelaskan mengenai langkah penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1 Jun depan.

Menurut beliau, dasar tersebut adalah membabitkan lapan kategori premis, iaitu rumah kampung, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), kondominium, taman perumahan, kilang, kompleks membeli-belah, *outlet* makanan dan hotel serta kompleks kerajaan.

“Sebanyak 14 buah taman telah diiktiraf sebagai taman bersih semenjak tahun 2014, salah satu daripada lapan kriteria adalah pengasingan sisa di punca,” jelasnya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri melalui MPSP pada 10 Januari lalu melancarkan projek perintis pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dekat Kampung Changkat, Nibong Tebal.

Pada majlis sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow semasa berucap memberitahu, pada peringkat permulaan, pemilik premis umpamanya diminta membuat pengasingan sisa di punca secara asas, iaitu sisa yang boleh dikitar semula dan sebaliknya.



M. Satees (kiri sekali) pada sesi soal jawab tambahan dalam Mesyuarat Penuh MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

MBPP sangkal dakwaan, kerja pembersihan dijalankan secara berterusan

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyangkal dakwaan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit gagal melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam sehingga menjejaskan imej baik Kerajaan Negeri yang terkenal dengan dasar Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan MBPP, Joseph Ng Soon Siang memberitahu, kenyataan yang disiarkan di dalam sebuah suratkhabar Bahasa Inggeris pada 12 Januari lalu adalah tidak benar.

“Tahap pembersihan pantai, jalan dan perparitan dijalankan secara berterusan.

“Kekerapan kerja-kerja pembersihan adalah mengikut keadaan sesuatu kawasan tersebut.

“Kerja-kerja pembersihan ini akan dipertingkatkan apabila keadaan kekotoran berada di luar jangkaan seperti berlakunya wabak demam denggi, musim cuti, ketika keadaan laut luar biasa yang akan membawa sampah ke tepian dan sebagainya,” katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Soon Siang menyatakan sedemikian sebagai menjawab dakwaan Presiden CAP, S.M. Mohamed Idris yang disiarkan dalam terbitan suratkhabar Bahasa Inggeris bertarikh 12 Januari 2016.

Dalam siaran tersebut, S.M. Mohamed menyatakan bahawa MBPP gagal melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam sehingga menjejaskan imej baik Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Soon Siang menyatakan bahawa kerja-kerja pembersihan turut diatur secara *‘task-force’* di kawasan yang mengalami kekurangan tenaga pekerja.

“Bagi pembersihan sistem perparitan yang tidak boleh dijalankan secara manual, kenderaan *Art Gulley Emptier* (AGE) akan digunakan,” jelasnya.

MBPP teruskan operasi hotel bajet tanpa lesen

Gambar : **ALISSALA THIAN**

TANJUNG TOKONG – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini menyerbu sebuah lagi hotel bajet di sini kerana beroperasi tanpa lesen sah.

Penolong Pegawai Senibina Kanan, Jabatan Kawalan Bangunan MBPP, Zaidah Abdul Yazis memberitahu, MBPP perlu mengambil tindakan tegas termasuk menyita kemudahan-kemudahan dan menutup hotel bajet yang masih ‘berdegil’ menjalankan operasi tanpa lesen.

Katanya, hotel yang mula beroperasi setahun lalu itu pernah diserbu pada 13 November 2015 dan dikenakan notis amaran serta arahan bagi mendapatkan lesen yang sah.

“Walau bagaimanapun, operasi hari ini menunjukkan pengusaha hotel bajet ini masih ‘berdegil’ untuk membuat permohonan sungguhpun arahan telah dikeluarkan sebelum ini.

“Mengikut kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, pemilik hotel bajet ini telah dikenakan kompaun sejumlah RM250 dan perlu menutup operasi dengan segera sehingga permohonan lesen dibuat,” ujarnya selepas selesai operasi penguatkuasaan di sini baru-baru ini.

Dalam operasi berkaitan, MBPP turut melakukan rampasan barangan berupa tilam, bantal serta perabot dan perobohan struktur dalaman.

Operasi bersepadu tersebut turut disertai 15 anggota Bahagian Penguatkuasaan MBPP, Jabatan Pelesenan MBPP, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Mengulas lanjut, Zaidah menyatakan bahawa keutamaan operasi penguatkuasaan adalah tertumpu kepada hotel-hotel bajet yang baru beroperasi dan tiada dalam senarai pemutihan.

“Mengikut rekod sehingga 19 Januari lalu, sebanyak 43 hotel bajet di sekitar Daerah Timur Laut (DTL) masih belum mendapatkan kebenaran operasi.

“Daripada jumlah tersebut, 11 daripadanya telah diambil tindakan penguatkuasaan,” jelas beliau.



PENGUATKUASA-penguatkuasa MBPP sedang merobohkan struktur dalaman sebuah hotel bajet yang beroperasi tanpa lesen dalam operasi penguatkuasaan di sini baru-baru ini.



BARANGAN serta peralatan hotel turut dirampas.

Pembangunan Pulau Tikus, ADUN gesa ketat syarat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



YAP Soo Huey menunjukkan salah satu tapak projek di Pulau Tikus.



SEBUAH kenderaan berat melalui lorong yang begitu hampir dengan lokasi penempatan.

PULAU TIKUS – Pembangunan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Tikus di sini yang menimbulkan kegusaran dalam kalangan penduduk setempat memperoleh perhatian serius daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan terbabit, Yap Soo Huey baru-baru ini.

Soo Huey pada satu sidang media di hadapan Pasar Pulau Tikus menggesa pihak yang bertanggungjawab supaya menghentikan atau mengetatkan syarat-syarat pembangunan di DUN berkaitan.

Menurutnya, kegagalan mengawal kelulusan pembangunan telah mendorong ke arah pembangunan melampau di Pulau Tikus.

"Perubahan guna tanah dari kawasan kediaman ke kawasan komersil atau perniagaan telah menjejaskan struktur sosial di kawasan Pulau Tikus khasnya penduduk tempatan.

"Ini termasuk kesesakan jalanraya yang semakin meruncing, persekitaran yang agak kotor serta sentiasa berdebu dan paling membimbangkan adalah faktor keselamatan kerana projek-projek pembinaan yang terlalu pesat sehingga meningkatkan risiko kemalangan akibat ditimpa sisa-sisa binaan dan sebagainya," katanya.

Selain itu, beliau memberitahu, pemaju-pemaju di kawasan sekitar Pulau Tikus juga gagal menunaikan janji kepada penduduk sebagaimana diomongkan sebelum bermulanya projek pembangunan.

"Contohnya, pembinaan bangunan tinggi di sini pada asalnya mereka (pemaju) ada menjanjikan untuk membina tempat letak kereta khas bagi menampung jumlah petak parkir yang berkurangan akibat projek, namun, hasilnya tempat (yang) dijanjikan itu pula ditimbuni bahan-bahan binaan.

"Juga tahun lalu, insiden 'hujan konkrit' yang telah menyebabkan beberapa buah kenderaan rosak teruk akibat dihempap bahan binaan yang jatuh.

"Malah, juga terdapat kes kematian melibatkan pekerja binaan yang jatuh dan mati di sini. Puncanya amat jelas kerana pembinaan di sini sangat hampir dengan kawasan kediaman sedia ada," jelasnya.

Dalam pada itu, Soo Huey turut mencadangkan agar pihak berwajib dapat menyenaraihitamkan pemaju-pemaju yang gagal mematuhi aspek keselamatan serta tidak menepati janji sehingga mengundang bahaya kepada penduduk setempat.

"Perkara ini bukan sahaja penting kepada penduduk, bahkan orang ramai yang sering datang ke Pulau Tikus yang merupakan kawasan tumpuan pelancongan, selain membeli belah serta melakukan aktiviti keagamaan," ujar beliau.

Serentak dengan itu, Soo Huey turut mendesak agar Pulau Tikus dapat diwartakan sebagai kawasan larangan bagi pembangunan bangunan melebihi 10 tingkat pada masa hadapan.

Lif usang lebih 20 tahun Fairy Height diganti



WONG Hon Wai (kiri sekali) merasmikan lif baru Pangsapuri Fairy Height sambil ditemani Tong Wye Keat (tengah) pada majlis perasmian yang diadakan di sini baru-baru ini.

AIR ITAM – Demi keselesaan penghuni Pangsapuri Fairy Height, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai mengambil inisiatif khas menggantikan lif usang berusia lebih 20 tahun di sini baru-baru ini.

Penggantian lif baharu tersebut menelan belanja sebanyak RM124,000 yang mana 80 peratus adalah hasil peruntukan Kerajaan Negeri melalui tabung Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!), manakala baki 20 peratus lagi adalah daripada penduduk pangsapuri berkenaan.

Justeru, Hon Wai berharap menerusi usaha yang mengambil masa kira-kira dua bulan tersebut bakal memudahkan dan memberi keselesaan kepada penghuni, khususnya warga emas.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Lif Baharu Pangsapuri Fairy Height di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Perbadanan Pengurusan (MC) Pangsapuri Fairy Height, Tong Wye Keat.



RUPA bentuk lif baru.



DR. Afif Bahardin merakam gambar kenangan bersama-sama anak-anak muda yang menonton tayangan filem Ola Bola di sini baru-baru ini.

Taja 105 tiket Ola Bola, tarik anak muda hayati muhibah kaum

SEBERANG JAYA – Tak sampai dua jam diiklankan di media sosial, habis 105 tiket filem Ola Bola yang ditaja oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Afif memberitahu, semangat muhibah pada zaman kegemilangan pasukan bola sepak kebangsaan Malaysia dahulu hingga berjaya memasuki Sukan Olimpik Moscow 1980 diharap mampu menghakis sentimen perkauman dalam kalangan generasi anak muda hari ini.

"Pendekatan ini mungkin akan diteruskan lagi di masa akan datang, memandangkan sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan.

"Ini kerana, tidak sampai dua jam diiklankan di media sosial, pendaftaran untuk tiket percuma telah penuh," responsnya sebelum tayangan filem tersebut di sini baru-baru ini.

Ola Bola merupakan sebuah filem bertemakan sukan arahan Chiu Keng Guan dan dibintangi JC Chee, Luqman Hafidz, Saran Kumar Manokaran, Marianne Tan, Katrina Ho, Bront Palarae, Taufiq Hanafi dan Frankie Lee.

Filem tempatan tersebut berjaya memperoleh kutipan tertinggi bagi tahun 2016 iaitu direkodkan kira-kira RM12 juta.

KN belanja hampir RM1 juta naik taraf kemudahan Taman Seri Damai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

BATU LANCHANG – Kerajaan Negeri membelanjakan hampir RM1 juta dalam tempoh enam tahun lalu bagi menaiktaraf kemudahan utama di tiga blok 16 tingkat, flat Taman Seri Damai di sini.

Kos tersebut termasuk pemasangan tiga unit lif baharu dengan kos berjumlah RM153,330 setiap satu pada tahun 2011, 2012 dan 2014 serta penggantian tangki air baharu di Blok 25 dengan kos RM162,400 pada 2012, RM182,426 (2014) di Blok 21 dan terkini berjumlah RM195,000 di Blok 23.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir pada Majlis Perasmian Pemasangan Tangki Air Baharu di Blok 23 Taman Seri Damai memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha menaiktaraf dan memperbaiki secara berperingkat di 49 rancangan perumahan Kerajaan Negeri seluruh Pulau Pinang.

"Semua ini (pembiayaan kerja-kerja menaiktaraf dan pembaikan) dapat dilaksanakan kerana kita (Kerajaan Negeri) mampu menikmati lebihan belanjawan setiap tahun dengan mengamalkan pentadbiran bersih dan anti rasuah.

"Bukannya seperti dakwaan sesetengah pihak yang memfitnah lebihan belanjawan diperoleh Kerajaan Negeri adalah melalui penjualan tanah.

"Ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan Negeri memperoleh pulangan 35 kali ganda melalui perjanjian jual beli tanah berjumlah 106 ekar (bernilai RM1.1 bilion) sedangkan BN (Barisan Nasional) dulu jual 3,661 ekar untuk RM1 bilion sahaja," ucapnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang serta beberapa Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).



TANGKI-tangki air baru di Blok 23, Taman Seri Damai di sini.

Dalam pada itu, Heng Kiang ketika ditemui memberitahu bahawa bagi kerja-kerja penggantian tangki air baharu, 80 peratus kos dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui tabung Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!), manakala baki 20 peratus lagi ditanggung oleh pihaknya selaku ADUN.

"Sejumlah RM539,826 dibelanjakan bagi penggantian tangki air baharu dan RM459,990 bagi menampung perbelanjaan menaiktaraf kemudahan lif di ketiga-tiga blok di sini.

"Kami (Kerajaan Negeri) berharap para penduduk di sini dapat memberi kerjasama dalam mengekalkan kemudahan sedia ada demi kepentingan semua," ujar beliau.

Flat kos rendah Taman Seri Damai mempunyai tiga blok iaitu Blok 21, Blok 23 dan Blok 25 dengan kepadatan 570 unit rumah.

ADUN cadang serah laporan audit keselamatan jalan kepada MBPP

PULAU TIKUS – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey bercadang mengemukakan laporan pengauditan keselamatan jalanraya yang dijalankan pihaknya kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai data asas untuk membantu menjayakan Kempen Keselamatan Pejalan Kaki dan Penunggang Motosikal di sini.



YAP Soo Huey (kanan sekali) dan Emmanuel Nivet (empat dari kanan) bersama-sama sukarelawan menunjukkan dokumen-dokumen pengauditan Kempen Keselamatan Pejalan Kaki dan Penunggang Motosikal di Pulau Tikus baru-baru ini.

Katanya, data tersebut juga bakal membantu pelaksanaan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang 2015 – 2020 yang dilancarkan tahun lepas.

"Dalam proses pengauditan tersebut, para sukarelawan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dalam kiraan dua atau empat orang bagi setiap 200 meter sepanjang sembilan jalan utama.

"Kita (Jawatankuasa Pelaksana) menempatkan sukarelawan-sukarelawan ini di lokasi di mana pejalan kaki melintas tanpa menggunakan lintasan isyarat serta di kawasan yang dikenalpasti kerap digunakan oleh pejalan kaki mahupun penunggang motosikal sebagai laluan pintas.

"Tujuannya adalah untuk mengenal pasti titik laluan di sepanjang jalan termasuk menganggarkan tahap bahaya bagi pengguna jalanraya yang melintas di lokasi dianggap 'mudah' bagi pejalan kaki," katanya ketika ditemui di Pusat Khidmat ADUN Pulau Tikus di Jalan Jones di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif AXA, Emmanuel Nivet.

Selain ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pantai Molek dan Midlands Berjaya, turut terlibat adalah kira-kira 200 kakitangan AXA Affin General Insurance Berhad (AXA).

Antara jalan yang terlibat adalah Jalan Kelawai, Jalan Tanjung Tokong, Jalan Fettes, Jalan Mount Erskine, Jalan Bagan Jermal, Persiaran Gurney, Jalan Pemenang, sebahagian Jalan Cantonment dan Jalan Burma sehingga ke Kedai Biskut Him Heang.

Dalam pada itu, Nivet memberitahu, pihaknya akan sentiasa menyokong kempen-kempen berkaitan keselamatan jalanraya sebagai langkah advokasi mendidik warga Pulau Pinang untuk menjadi pengguna yang berhemah.

"Kami gembira dapat bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pulau Pinang dan bercadang untuk menganjurkan latihan kesedaran keselamatan jalanraya kelak," jelas beliau.

AXA Affin General Insurance Berhad merupakan anak syarikat AXA Group dan Affin Holding Berhad yang menyediakan insurans am di Malaysia serta mempunyai kepakaran dalam menyediakan penyelesaian perlindungan komprehensif.



R.S.N Rayer (kiri sekali) bersama-sama RamKarpal Singh beramah mesra dengan seorang kanak-kanak pada Majlis Menyalakan Lantera di sekitar Taman Kejiranan Karpal Singh di sini baru-baru ini.

MP puji perpaduan kaum penduduk Island Glades

SERI DELIMA – Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh memuji perpaduan dan keharmonian yang wujud dalam kalangan penduduk berbilang kaum Island Glades di sini

Beliau berkata demikian kepada Buletin Mutiara selepas majlis menyalakan lantera atau tanglung berlampu di kejiranan di sini sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

"Saya sangat gembira melihat semangat perpaduan dan keharmonian kaum di kawasan kejiranan ini.

"Apatah lagi, bukan sahaja kaum Cina hadir menjayakan majlis, tetapi juga kaum-kaum lain dari pelbagai latar belakang turut memeriahkannya," katanya yang turut mengedarkan buah limau kepada penduduk di sini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer.


Kira-kira 200 tanglung dipasang sekitar Taman Kejiranan Karpal Singh di sini merentasi Jalan Gangsa dan Taman Kejiranan Lintang Delima.

Ketika ditemui, Rayer sempat berkongsi kenangan peribadi beliau bersama-sama mendiang Karpal Singh (mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor) sempena sambutan Tahun Baru Cina.

"Sejak 2004, saya turut serta dalam program yang sama bersama-sama mendiang.

"Kini, tradisi ini (nyalakan tanglung dan edaran buah limau) diteruskan bersama anak mendiang yang juga Ahli Parlimen di kawasan ini," ujar beliau.

Oleh : **ME**





JADUAL PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA PULAU PINANG 2016

	Sabtu	Pulau Pinang	Seberang Perai	Ahad	Pulau Pinang	Seberang Perai
Feb	6			7		
	13			14		
	20	Dato Keramat	Bertam	21	Pulau Betong	Berapit
	27	Batu Lanchang	Pmtg Pasir	28	Pengkalan Kota	Padang Lalang
Mar	5	Kebun Bunga	Bukit Tengah	6	Pulau Tikus	Jawi
	12	Batu Uban	Machang Bubok	13	Bayan Lepas	Pinang Tunggal
	19	Paya Terubong	Sungai Acheh	20	Komtar	Pmtg Berangan
	26	Bagan Dalam	Sg Dua	27	Air Itam	Telok Air Tawar
Apr	2	Sungai Pinang	Sungai Puyu	3	Teluk Bahang	Penaga
	9	Pantai Jerjak	Penanti	10	Tanjong Bungah	Seberang Jaya
	16	Batu Maung	Perai	17	Padang Kota	Bukit Tambun
	23	Seri Delima	Sungai Bakap	24	Air Putih	Bagan Jermal
	30	Pulau Betong	Berapit	1	Labour Day	
Mei	7	Pengkalan Kota	Padang Lalang	8	Dato Keramat	Bertam
	14	Pulau Tikus	Jawi	15	Batu Lanchang	Pmtg Pasir
	21	Wesak Day		22	Kebun Bunga	Bukit Tengah
	28	Bayan Lepas	Pinang Tunggal	29	Batu Uban	Machang Bubok
Jun	4	Yang di-Pertuan Agong's Bday		5		
	11	Komtar	Pmtg Berangan	12	Bagan Dalam	Sg Dua
	18	Air Itam	Teluk Air Tawar	19	Paya Terubong	Sungai Acheh
	25	Teluk Bahang	Penaga	26	Sungai Pinang	Sungai Puyu